

2005

Kajian Mengenai Situasi dan Kaedah Pembelajaran

Bahasa Jepun

Laporan Lengkap Data Kajian : Malaysia

**International Survey of Learning Environments and Resources
in Japanese Language Education**

Data Analysis and Results of Written Surveys : Malaysia

December, 2005

Independent Administrative Institution

The National Institute for Japanese Language

Latar Belakang Laporan

Bahasa Jepun sedang mengalami perkembangan dari pelbagai aspek. Secara khususnya, aspek-aspek ini merangkumi matlamat pembelajaran, bidang pembelajaran, ciri-ciri khas pelajar dan bahasa ibunda, kedudukan Bahasa Jepun dalam sesebuah negara ataupun kawasan, kemudahan dan suasana pendidikan Bahasa Jepun mengikut sesebuah institusi, pemikiran dan kemampuan guru mengenai pendidikan Bahasa Jepun dan lain-lain. Maka dengan itu, penyesuaian mengikut keadaan dan suasana pendidikan dan kepelbagaian aspek mula mendapat perhatian. Dunia IT hari ini juga telah membawa perubahan kepada pengaliran informasi dan pertukaran sosio di kalangan pelajar dan guru. Oleh sebab itu, adalah penting untuk mendapatkan maklumat tentang pendidikan Bahasa Jepun secara keseluruhan mengikut kawasan, bagi membentuk jaringan kerjasama dan menyediakan bantuan dan sokongan yang bersesuaian. Bagi memenuhi tuntutan semasa ini, maklumat tentang situasi pembelajaran dan pengajaran Bahasa Jepun di dalam dan luar negara, kaedah pembelajaran Bahasa Jepun dikalangan mereka yang mengajar Bahasa Jepun, seterusnya kaedah pengajaran, dikumpul secara meluas untuk mengetahui aspek-aspek ini dengan lebih teliti.

Berdasarkan tuntutan ini jugalah, bermula daripada tahun 2000, Bahagian Pendidikan Bahasa Jepun, Institut Bahasa Negara telah merancang projek 5 tahun, dengan menjalankan "Kajian Mengenai Situasi dan Kaedah Pembelajaran Bahasa Jepun". Salah satu daripada agenda projek adalah, kajian tentang situasi dan kaedah pembelajaran Bahasa Jepun di Malaysia yang telah dijalankan pada 2003 hingga 2004 bagi mendapat gambaran penuh tentang tuntutan dan keperluan asas bagi menyediakan bantuan yang bersesuaian.

Laporan ini adalah jawapan daripada soalselidik yang telah dijalankan. Bersamaan dengan kajian ini, beberapa sesi temuramah juga telah diadakan, di mana laporan mengenainya sedang dianalisa. Laporan lengkap akan disediakan dan perbandingan akan dibuat antara keputusan kajian yang telah dijalankan di kawasan lain, iaitu Thailand (Bangkok), Korea, Australia (Victoria), Taiwan.

Laporan ini mengandungi 5 bab. Bab 1 mengandungi maklumat menyeluruh tentang kajian, Bab 2 mengandungi laporan hasil kajian ke atas institusi pengajian, Bab 3 mengandungi laporan hasil kajian ke atas pelajar, Bab 4 mengandungi laporan hasil kajian ke atas guru, dan Bab 5 mengandungi permasalahan dan perkara yang perlu diperbaiki untuk laporan akhir. Bagi memudahkan pemahaman tentang kajian ini, ringkasan mengenai kajian disertakan di permulaan Bab 2, Bab 3, dan Bab 4. Penyediaan dan suntingan laporan ini dilakukan oleh Encik Yoshiro, OGAWARA (First Division, Department of Teaching Japanese as a Second Language) (Sila rujuk bahagian akhir laporan).

Kajian ini telah mendapat kerjasama sepenuhnya daripada Cultural Affair Department, Japan Foundation Kuala Lumpur, Persatuan Bahasa Jepun Malaysia, dan para guru (sila rujuk bahagian akhir laporan), di mana tanpa mereka, kajian ini tidak mungkin berjaya. Ucapan terima kasih kepada Encik Edward Lee daripada Persatuan Bahasa Jepun Malaysia kerana telah bersusah payah mencetak, mengedar, dan mengutip borang-borang soal selidik. Seterusnya kepada guru-guru tempatan yang telah memberi

kerjasama yang padu.

Laporan ini, akan dicetak sebagai [Laporan Lengkap Kajian], dan diharap dapat memberi sumbangan dalam mempertingkatkan cara dan isi kandungan pendidikan Bahasa Jepun baik dari segi polisi pendidikan yang bakal dilaksanakan.

Disember, 2005

Independent Administrative Institution: The National Institute for Japanese Language

Director, Department of Teaching Japanese as a Second Language

YANAGISAWA, Yoshiaki

Kandungan

BAB 1 Maklumat Kajian	1
1-1. Data : Kajian Mengenai Situasi dan Kaedah Pembelajaran Bahasa Jepun	1
1-2. Tujuan Kajian	2
1-3. Kawasan Kajian	2
1-4. Subjek Kajian	3
1-5. Tempoh Kajian.....	3
1-6. Kaedah Kajian	3
1-7. Borang Soal Selidik.....	3
1-8. Pengedaran dan Kutipan Borang Soal Selidik	5
1-9. Penganalisan Data	5
Rujukan	6
Laporan Berkaitan Kajian Yang Diterbitkan.....	6
BAB 2 Laporan Kajian : Institusi Pengajian	7
Maklumat dan Ringkasan.....	7
Ringkasan : 2-1. Guru Bahasa Jepun.....	7
Ringkasan : 2-2. Bilangan Pelajar Bahasa Jepun	8
Ringkasan : 2-3. Penggunaan Kemudahan	8
Ringkasan : 2-4. Penglibatan / Penganjuran Aktiviti Berkaitan Bahasa Jepun.....	9
2-1. Bilangan Guru.....	9
2-1-1. Bilangan Guru Tetap.....	9
2-1-2. Bilangan Guru Sementara.....	10
2-1-3. Nisbah Antara Guru Tetap dan Guru Sementara, Guru Malaysia dan Guru Jepun.....	10
2-2. Bilangan Pelajar.....	11
2-3. Penggunaan Kemudahan	12
2-3-1. Penggunaan Komputer	12
2-3-2. Penggunaan Internet.....	13
2-3-3. Penggunaan TV / Video.....	14
2-3-4. Penggunaan Makmal Bahasa (LL).....	14
2-3-5. Penggunaan OHP	15
2-3-6. Penggunaan Pemain Kaset / CD.....	15
2-3-7. Penggunaan Pemain Video	16
2-3-8. Penggunaan Pemain VCD	16
2-3-9. Penggunaan Pemain DVD	17

2-3-10. Penggunaan Bahan Bacaan Berkaitan Bahasa Jepun.....	17
2-4. Penglibatan / Penganjuran Aktiviti Berkaitan Bahasa Jepun	19
2-4-1. Sesi Pelawat (Visitor session)	19
2-4-2. Lawatan ke Jepun.....	19
2-4-3. Pertukaran Pelajar	20
2-4-4. Pertandingan Syarahan	20
2-4-5. Sekolah Angkat	21
2-4-6. Lain-lain	21
BAB 3 Laporan Kajian : Pelajar	22
Maklumat dan Ringkasan	22
Ringkasan : 3-1. Pelajar.....	22
Ringkasan : 3-2. Penggunaan Bahasa Jepun.....	23
Ringkasan : 3-3. Hubungan Dengan Bahan Yang Menggunakan Bahasa Jepun	24
Ringkasan : 3-4. Penggunaan Buku Teks Di luar Kelas	24
Ringkasan : 3-5. Pengalaman Mengenai Peluang dan Tempat Penggunaan	24
Ringkasan : 3-6. Bahan Yang Sedang Digunakan Untuk Belajar Bahasa Jepun	25
Ringkasan : 3-7. Bahan Yang Perlu Diperbaiki Di masa Hadapan	25
3-1. Pelajar.....	26
3-1-1. Jantina	26
3-1-2. Kerakyatan	26
3-1-3. Umur.....	26
3-1-4. Bahasa Ibunda.....	27
3-1-5. Tahun Mula Belajar.....	27
3-1-6. Tempat Belajar.....	28
3-1-7. Pengalaman Melawat Jepun	28
3-1-8. Tujuan Lawatan	29
3-1-9. Matlamat Belajar.....	30
3-1-10. Kemahiran Bahasa Jepun (1)[Membaca](2)[Menulis](3)[Mendengar](4)[Bertutur].....	30
3-2. Penggunaan Bahasa Jepun.....	34
3-2-1. Pengalaman Menggunakan Bahasa Jepun	34
3-2-2. Pasangan dan Cara Menggunakan Bahasa Jepun	34
3-2-3. Pasangan Yang Selalu Digunakan Bahasa Jepun	36
3-2-4. Kerakyatan Pasangan	37
3-2-5. Jantina Pasangan	37
3-2-6. Kemampuan Bahasa Jepun Sewaktu Mula Menggunakannya	37

3-2-7. Kekekapan Menggunakan Bahasa Jepun	38
3-2-8. Cara Penggunaan	38
3-2-9. Peratus Bahasa Jepun Dalam Penggunaan.....	39
3-2-10. Topik	39
3-2-11. Alasan Menggunakan Bahasa Jepun.....	40
3-2-12. Alasan Tidak Menggunakan Bahasa Jepun Di luar Kelas.....	41
3-3. Hubungan Dengan Bahan Yang Menggunakan Bahasa Jepun	42
3-3-1. Kedapatan Bahan Bertulis Bahasa Jepun atau Bahan Menggunakan Bahasa Jepun	42
3-3-2. Pengalaman Mendengar / Melihat (menonton) Bahasa Jepun	42
3-3-3. Bahan Yang Didengar / Dilihat (tonton).....	42
3-3-4. Bahan Yang Selalu Didengar / Dilihat (tonton).....	43
3-3-5. Kekekapan Mendengar / Melihat (menonton).....	45
3-3-6. Pemilik Bahan Yang Didengar / Dilihat (tonton).....	45
3-3-7. Isi Kandungan Bahan Yang Didengar/ Dilihat (tonton).....	45
3-3-8. Alasan Mendengar / Mendengar (menonton).....	46
3-3-9. Alasan Tidak Mendengar / Melihat (menonton) Bahan Dalam Bahasa Jepun Di luar Kelas	47
3-4. Penggunaan Buku Teks dll Di luar Kelas	48
3-4-1. Pengalaman Penggunaan.....	48
3-4-2. Cara Penggunaan Di luar Kelas	49
3-4-3. Alasan Tidak Menggunakan Buku Teks dll Di luar Kelas	49
3-5. Pengalaman Mengenai Peluang dan Tempat Penggunaan	50
3-5-1. Pengalaman Menggunakan.....	50
3-5-2. Peluang dan Tempat Penggunaan.....	51
3-5-3. Kedapatan Pengalaman yang Ingin Diulangi atau Diteruskan	54
3-5-4. Pengalaman Yang Paling Ingin Diulangi atau Diteruskan	55
3-6. Bahan Yang Sedang Digunakan Untuk Belajar Bahasa Jepun.....	55
3-6-1. Buku Rujukan / Latihan Yang Sedang Digunakan Untuk Belajar Bahasa Jepun	56
3-7. Bahan / Perkara Yang Perlu Diperbaiki Di masa Hadapan.....	56
3-7-1. Buku Rujukan / Latihan Yang Perlu Diperbaiki Di masa Hadapan.....	58
3-7-2. Kamus Yang Perlu Diperbaiki	58
 BAB 4 Laporan Kajian: Guru.....	 59
Maklumat dan Ringkasan.....	59
Ringkasan:4-1. Guru.....	59
Ringkasan:4-2. Pengendalian Kelas	60

Ringkasan:4-3. Penggunaan Bahasa Jepun (Guru Malaysia).....	62
Ringkasan:4-4. Hubungan Dengan Bahan Yang Menggunakan Bahasa Jepun (Guru Malaysia).....	63
Ringkasan:4-5. Pengalaman Mengenai Tempat dan Peluang Penggunaan (Guru Malaysia).....	63
4-1. Guru.....	65
4-1-1. Jantina.....	65
4-1-2. Umur.....	65
4-1-3. Bahasa Ibunda.....	66
4-1-4. Tempoh Belajar Bahasa Jepun (Guru Malaysia).....	66
4-1-5. Pengalaman Melawat Jepun (Guru Malaysia).....	67
4-1-6. Tujuan Lawatan (Guru Malaysia).....	67
4-1-7. Pengalaman Mengajar.....	67
4-1-8. Pengalaman Mengajar Subjek Selain Bahasa Jepun.....	68
4-1-9. Kemahiran Bahasa Jepun (Guru Malaysia)	
(1)[Membaca](2)[Menulis](3)[Mendengar](4)[Bertutur].....	69
4-1-10. Alasan Mula Mengajar Bahasa Jepun.....	72
4-1-11. Penyertaan Dalam Seminar Yang Berkaitan Dengan Pendidikan Bahasa Jepun.....	73
4-1-12. Pengalaman Mengikuti Kursus Pendidikan Bahasa Jepun.....	73
4-1-13. Ke kerap an Mengikuti Kursus Pendidikan Bahasa Jepun.....	75
4-2. Pengendalian Kelas.....	76
4-2-1. Bahan Yang Digunakan.....	76
4-2-2. Bahan Asas (raw material).....	77
4-2-3. Alasan Menggunakan Bahan Asas (raw material).....	79
4-2-4. Bahan Buatan Sendiri.....	81
4-2-5. Alat Bantuan Mengajar (audio visual / AV).....	83
4-2-6. Penggunaan Bahasa Jepun Sewaktu Mengajar.....	84
4-2-7. Bahan Digunakan Untuk Persediaan Mengajar.....	86
4-2-8. Kesedaran Tentang Kemahiran Sebagai Guru Bahasa Jepun.....	89
4-2-9. Perkara Yang Dilakukan Untuk Meningkatkan Kebolehan dan Kualiti Guru Bahasa Jepun.....	90
4-2-10. Pengalaman dan Cara Menggunakan Komputer.....	91
4-2-11. Kepentingan Penggunaan Komputer Untuk Pendidikan Bahasa Jepun.....	93
4-2-12. Bahan Yang Perlu Diperbaiki Untuk Meningkatkan Kebolehan dan Kualiti Guru Bahasa Jepun.....	93
4-2-12-1. Bahan Yang Perlu Diperbaiki : Buku Panduan Nahu.....	96
4-2-12-2. Bahan Yang Perlu Diperbaiki : Kamus.....	97
4-2-12-3. Bahan Yang Perlu Diperbaiki : Bahasa Yang Digunakan Kamus Kanji.....	97
4-2-12-4. Bahan Yang Perlu Diperbaiki : Buku Panduan Untuk Guru.....	98

4-2-12-5. Bahan Yang Perlu Diperbaiki : Perisian Komputer.....	98
4-3. Penggunaan Bahasa Jepun (Guru Malaysia).....	100
4-3-1. Pengalaman Menggunakan Bahasa Jepun Di luar Kelas.....	100
4-3-2. Pasangan dan Cara Menggunakan Bahasa Jepun.....	100
4-3-3. Pasangan yang Selalu Digunakan Bahasa Jepun.....	102
4-3-4. Kerakyatan Pasangan.....	103
4-3-5. Jantina Pasangan.....	103
4-3-6. Kemampuan Bahasa Jepun Sewaktu Mula Menggunakannya.....	104
4-3-7. Kekekapan Menggunakan Bahasa Jepun.....	104
4-3-8. Cara Penggunaan.....	104
4-3-9. Peratus Bahasa Jepun Dalam Penggunaan.....	105
4-3-10. Topik.....	105
4-3-11. Alasan Menggunakan Bahasa Jepun.....	106
4-3-12. Alasan Tidak Menggunakan Bahasa Jepun Di luar Kelas.....	106
4-4. Hubungan Dengan Bahan yang Menggunakan Bahasa Jepun (Guru Malaysia).....	107
4-4-1. Kedapatan Bahan Bertulis Bahasa Jepun / Bahan Menggunakan Bahasa Jepun.....	107
4-4-2. Pengalaman Mendengar / Melihat (menonton) Bahasa Jepun Di luar Kelas.....	107
4-4-3. Bahan Yang Didengar / Dilihat (tonton).....	107
4-4-4. Bahan Yang Selalu Didengar/ Dilihat (tonton).....	108
4-4-5. Kekekapan Mendengar / Melihat (menonton).....	109
4-4-6. Pemilik Bahan Yang Didengar / Dilihat (tonton).....	109
4-4-7. Isi Kandungan Bahan Yang Didengar / Dilihat (tonton).....	110
4-4-8. Alasan Mendengar / Melihat (menonton).....	110
4-5. Pengalaman Mengenai Peluang dan Tempat Penggunaan (Guru Malaysia).....	111
4-5-1. Pengalaman Menggunakan.....	111
4-5-2. Peluang dan Tempat Penggunaan.....	112
4-5-3. Kedapatan Pengalaman Yang Ingin Diulangi / Diteruskan.....	114
4-5-4. Pengalaman Yang Paling Ingin Diulangi / Diteruskan.....	114
 BAB 5 Permasalahan.....	 116

Data

Borang soal selidik “Kajian Tentang Situasi dan Kaedah Pembelajaran Bahasa Jepun – Malaysia”

• Borang Kegunaan Institusi Pengajian (B. Jepun / B. Malaysia / B. Inggeris).....	3
• Borang Kegunaan Pelajar Bahasa Jepun (B. Jepun / B. Malaysia / B. Inggeris).....	7
• Borang Kegunaan Guru Bahasa Jepun (B. Jepun / B. Malaysia / B. Inggeris).....	21

BAB 1 Maklumat Pelaksanaan Kajian di Malaysia

1-1. Data : Kajian Mengenai Situasi dan Kaedah Pembelajaran Bahasa Jepun

Kesedaran tentang “kepelbagaian” khususnya dari aspek matlamat pembelajaran, bidang pembelajaran, ciri-ciri khas pelajar dan bahasa ibunda, kedudukan Bahasa Jepun dalam sesebuah negara ataupun kawasan, kemudahan dan suasana pendidikan Bahasa Jepun mengikut sesebuah institusi, pemikiran dan kemampuan guru mengenai pendidikan Bahasa Jepun mula mendapat perhatian dan ditangani mengikut keadaan dan keperluan masing-masing. Walaubagaimanapun, dengan peredaran dunia semasa yang pantas dan pertukaran sosio di kalangan guru dan pelajar yang pesat, menyebabkan tuntutan penyediaan bantuan dan rangkaian di antara negara dan kawasan yang terlibat dengan pendidikan Bahasa Jepun bertambah.

Maka dengan itu, kajian ini bertujuan untuk mengumpulkan maklumat tentang kepelbagaian dalam aspek-aspek tertentu, tentang kaedah pembelajaran dan pengajaran Bahasa Jepun di dalam dan luar negara, bagi menyediakan sistem bantuan yang bersesuaian.

Berikut adalah 3 ciri-ciri utama kajian ini.

(1) Kajian ini memberi tumpuan kepada keadaan di dalam dan luar negara.

Melalui maklumat tentang sistem pendidikan di dalam sesebuah masyarakat, dan perbandingan keadaan mengikut negara dan kawasan yang berlainan, boleh membantu mendapatkan gambaran yang jelas mengenai pendidikan Bahasa Jepun di seluruh dunia.

Secara khususnya, kajian daripada aspek bilangan pelajar di dalam dan luar negara, situasi pembelajaran, kerjasama kajian ini melibatkan 5 buah negara iaitu, Thailand(Bangkok), Australia(Victoria State), Korea Selatan, Malaysia dan Taiwan. Laporan kajian di Thailand (Bangkok) iaitu, “Laporan Kajian Situasi dan Kaedah Pembelajaran Bahasa Jepun di Thailand (Bangkok)” yang telah diterbitkan pada Mac, 2003. Laporan kajian di Korea Selatan ialah, “Laporan Kajian Situasi dan Kaedah Pembelajaran Bahasa Jepun di Korea Selatan” telah diterbitkan pada Mac, 2004. Manakala, laporan kajian di Taiwan ialah, “Laporan Kajian Situasi dan Kaedah Pembelajaran Bahasa Jepun di Taiwan” pada Mac, 2005 dan akan diikuti oleh laporan kajian di Australia.

Kajian di dalam negara, melibatkan borang soalselidik yang diedarkan di seluruh negara, dan temuramah khas juga dijalankan di beberapa kawasan yang terlibat, dan akan diedarkan dalam bentuk laporan.

(2) Kajian secara mikro / makro

Kajian ini dijalankan pada peringkat makro yang melibatkan perspektif am mengenai pendidikan mengikut negara/kawasan, dasar-dasar pendidikan bahasa, hubungan ekonomi dan budaya dengan Jepun, dan kedudukan pendidikan Bahasa Jepun dalam sesebuah masyarakat. Pada masa yang sama, kajian

pada peringkat mikro melibatkan tahap kesedaran dan akitiviti guru dan pelajar Bahasa Jepun, bahan yang digunakan untuk mengajar, termasuk situasi pembelajaran dan pengajaran Bahasa Jepun.

(3) Kajian dua hala melibatkan guru dan pelajar

Kaedah soalselidik dan temuramah dilakukan pada peringkat institusi pendidikan formal yang melibatkan sekolah menengah (SM) dan institusi pendidikan tinggi (IPT), institusi pendidikan swasta, dan pendidikan tidak formal seperti kelas anjuran pekerja sukarela di setiap negara dan kawasan (lain-lain).

1-2. Tujuan Kajian

Seperti yang ditunjukkan di 1-1, kajian ini adalah untuk mendapatkan maklumat menyeluruh tentang situasi pembelajaran Bahasa Jepun dan menyediakan bahan asas seterusnya meningkatkan mutu pendidikan Bahasa Jepun di Malaysia. Dengan ini, di dalam kajian ini, jawapan yang diperoleh daripada borang soal selidik dan temuramah adalah merupakan data asas.

1-3. Kawasan Kajian

Bilangan pelajar Bahasa Jepun di Malaysia berada pada tangga ke-13 berbanding lain-lain negara. (Jadual 1-14, 17,406 orang. Untuk maklumat lanjut, rujuk Japan Foundation(2005). Bilangan ini juga masih menunjukkan kenaikan. Kajian ini telah dijalankan di seluruh Malaysia. Kawasan dan subjek yang terlibat dengan kajian ini diringkaskan di dalam jadual 1-1, dan 1-2 di bawah. Manakala untuk kategori institusi pengajian yang terlibat, sila rujuk 1-9.

〈 Jadual 1-1 : Bilangan Pelajar Mengikut Negeri 〉 (%)

	Negeri	Pen. SM	Pen. IPT	Lain-lain	Jumlah
Pantai barat Semenanjung Malaysia (Malaysia Barat)	Kedah	180 (7.9)	145 (6.5)	0 (0.0)	325 (6.1)
	Kuala Lumpur	88 (3.9)	681 (30.3)	355 (42.3)	1124 (21.0)
	Melaka	69 (3.0)	52 (2.3)	44 (5.2)	165 (3.1)
	Negeri Sembilan	239 (10.5)	0 (0.0)	0 (0.0)	239 (4.5)
	Penang	61 (2.7)	280 (12.5)	135 (16.1)	476 (8.9)
	Perak	297 (13.0)	30 (1.3)	111 (13.2)	438 (8.2)
	Perlis	58 (2.5)	0 (0.0)	0 (0.0)	58 (1.1)
	Selangor	348 (15.3)	470 (20.9)	100 (11.9)	918 (17.1)
Pantai Timur Semenanjung Malaysia (Malaysia Barat)	Johor	118 (5.2)	252 (11.2)	58 (6.9)	428 (8.0)
	Kelantan	112 (4.9)	0 (0.0)	0 (0.0)	793 (2.1)
	Pahang	297 (13.0)	0 (0.0)	0 (0.0)	297 (5.5)
	Terengganu	119 (5.2)	0 (0.0)	0 (0.0)	119 (2.2)
Bahagian Utara Pulau Borneo (Malaysia Timur)	Sabah	172 (7.6)	229 (10.2)	36 (4.3)	437 (8.2)
	Sarawak	118 (5.2)	106 (4.7)	0 (0.0)	224 (4.2)
	Jumlah	2,276 (100.0)	2,245 (100.0)	839 (100.0)	5,360 (100.0)

Nota : Pen. SM (Pendidikan di sekolah menengah), Pen. IPT (Pendidikan di institut pengajian tinggi), Lain-lain (Pendidikan di lain-lain institusi pengajian, selain daripada sekolah menengah dan IPT).

< Jadual 1-2 : Bilangan Guru Mengikut Negeri > (%)

	Negeri	Pen.SM	Pen. IPT	Lain-lain	Jumlah
Pantai barat Semenanjung Malaysia (Malaysia Barat)	Kedah	5 (7.8)	2 (2.7)	0 (0.0)	7 (2.9)
	Kuala Lumpur	4 (6.3)	34 (46.6)	49 (47.6)	87 (36.3)
	Melaka	3 (4.7)	2 (2.7)	4 (3.9)	9 (3.8)
	Negeri Sembilan	5 (7.8)	0 (0.0)	0 (0.0)	5 (2.1)
	Penang	1 (1.6)	8 (11.0)	11 (10.7)	20 (8.3)
	Perak	7 (10.9)	1 (1.4)	15 (14.6)	23 (9.6)
	Perlis	2 (3.1)	0 (0.0)	0 (0.0)	2 (0.8)
Pantai Timur Semenanjung Malaysia (Malaysia Barat)	Selangor	11 (17.2)	13 (17.8)	16 (15.5)	40 (16.7)
	Johor	3 (4.7)	2 (2.7)	4 (3.9)	9 (3.8)
	Kelantan	3 (4.7)	0 (0.0)	0 (0.0)	3 (1.3)
	Pahang	7 (10.9)	0 (0.0)	0 (0.0)	7 (2.9)
Bahagian Utara Pulau Borneo (Malaysia Timur)	Terengganu	3 (4.7)	0 (0.0)	0 (0.0)	3 (1.3)
	Sabah	5 (7.8)	10 (13.7)	4 (3.9)	19 (7.9)
	Sarawak	5 (7.8)	1 (1.4)	0 (0.0)	6 (2.5)
	Jumlah	64 (100.0)	73 (100.0)	103 (100.0)	240 (100.0)

Perbandingan di antara negeri akan dibincangkan pada masa hadapan.

1-4. Subjek Kajian

Kajian dijalankan ke atas pelajar dan guru Bahasa Jepun di institusi pengajian yang menyediakan subjek Bahasa Jepun di seluruh Malaysia.

1-5. Tempoh Kajian

Tempoh untuk soal selidik adalah Jun, 2004 hingga Julai, 2004.

1-6. Kaedah Kajian

Borang soalselidik diedarkan di sekolah-sekolah menengah, pusat pengajian tinggi, pusat-pusat bahasa selain dari institusi pendidikan formal. Pada masa yang sama, temuramah juga diadakan. Laporan mengenai temuramah akan diedarkan kemudian.

1-7. Borang Soal Selidik

Borang soalselidik disediakan untuk kegunaan pelajar dan guru dalam Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan Bahasa Jepun.

Borang soalselidik untuk kegunaan pelajar, diolah berdasarkan jenis bahan atau kaedah yang digunakan oleh pelajar sewaktu mempelajari Bahasa Jepun. Bagi tujuan perbandingan soalan yang sama diajukan kepada guru. Borang soalselidik untuk kegunaan guru diolah berdasarkan jenis bahan atau kaedah, orang, informasi yang digunakan dalam proses penyediaan kelas.

Tempoh belajar, tujuan belajar, turut disoal kepada pelajar, memandangkan kemungkinan ia

mempengaruhi jenis bahan dan kaedah yang digunakan untuk belajar Bahasa Jepun. Manakala, untuk guru pula, tempoh penglibatan dalam pendidikan Bahasa Jepun dan alasan penglibatan juga dikira aspek penting yang mempengaruhi penggunaan material dan kaedah.

Berikut adalah beberapa aspek utama yang disoal dalam borang soalselidik. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk borang soalselidik yang disediakan diakhir laporan [Borang Kegunaan Pelajar] [Borang Kegunaan Guru].

[Kegunaan pelajar]

Perkara yang mempengaruhi keputusan

- Jantina, tempat tinggal, umur, bahasa ibunda, status, tahun mula belajar Bahasa Jepun, tempat belajar Bahasa Jepun, pengalaman melawat Jepun, tujuan belajar, penilaian diri sendiri tentang kemahiran membaca, menulis, mendengar, dan bertutur.

Soalan

- Penggunaan bahasa Jepun (pasangan, kekerapan, kaedah, kandungan/topik, sebab dll)
- Hubungan dengan Bahasa Jepun (bahan, kekerapan, kandungan/topik, sebab dll)
- Penggunaan bahan Bahasa Jepun di luar bilik darjah/kuliah
- Hubungan dengan Bahasa Jepun (peluang)
- Sumber bahan pembelajaran Bahasa Jepun (benda)
- Perkara atau benda yang perlu ditingkatkan untuk membantu pembelajaran Bahasa Jepun

[Kegunaan guru]

Perkara yang mempengaruhi keputusan

- Jantina, tempat tinggal, umur, bahasa ibunda, tempoh belajar Bahasa Jepun, pendidikan bahasa asing selain Bahasa Jepun, pengalaman melawat ke Jepun, pengalaman mengajar Bahasa Jepun, pengalaman mengajar selain Bahasa Jepun, penilaian sendiri tentang kebolehan membaca, menulis, mendengar, bertutur dalam Bahasa Jepun, alasan penglibatan diri dalam pendidikan Bahasa Jepun, penyertaan dalam bengkel/seminar, penyertaan kursus berkaitan Bahasa Jepun.

Soalan

I : Soalan berkaitan pengendalian dan penyediaan kelas (guru Malaysia dan Jepun)

- Bahan yang digunakan dalam kelas, jenis bahan asas(raw material) yang digunakan, jenis bahan yang dibuat sendiri
- Alat bantuan AV yang digunakan dalam kelas
- Penggunaan Bahasa Jepun di dalam kelas
- Sumber maklumat untuk penyediaan mengajar (bahan, orang)
- Kesedaran tentang kemahiran yang diperlukan oleh guru Bahasa Jepun
- Perkara yang boleh menambah kemahiran dan kualiti guru

- Penggunaan komputer
- Kesedaran tentang penggunaan komputer
- Perkara yang perlu ditingkatkan untuk menambah kemahiran dan kualiti guru

II : Soalan berkaitan persekitaran yang perlu untuk meningkatkan kemahiran Bahasa Jepun (guru Malaysia)

- Penggunaan Bahasa Jepun (pasangan, kekerapan, kaedah, kandungan/topik, alasan dll)
- Hubungan dengan Bahasa Jepun (benda, kekerapan, kandungan/topik, sebab dll)
- Hubungan dengan Bahasa Jepun (peluang)

1-8. Pengedaran dan Kutipan Borang Soal Selidik

Borang soalselidik telah diedar dan dikutip daripada sekolah dan institusi pengajian yang terlibat dengan kerjasama Persatuan Bahasa Jepun Malaysia.

Keputusan kutipan adalah seperti dalam jadual 1-3. Bilangan kutipan borang soalselidik daripada institusi pengajian. Kajian di peringkat institusi pengajian dijalankan bagi mendapat maklumat tentang nama dan alamat institusi, bilangan guru, bilangan pelajar, dan kemudahan asas yang disediakan. Contoh borang adalah seperti yang disediakan di bahagian akhir laporan. Manakala, nama khas individu atau organisasi yang terlibat diringkaskan.

〈 **Jadual 1-3 : Laporan Kutipan** 〉

	Jumlah	Pen. SM	Pen. IPT	Lain-lain
Bil.institusi	91	40	23	28
Bil. pelajar	5,457	2,296	2,310	851
Bil. guru	242	63	75	104
Bil. institusi yg. menjawab soalan	89	39	23	27

Nota : Bil. (Bilangan)

Mengikut Japan Foundation (2005), pada tahun 2003 bilangan institusi pengajian yang menyediakan program Bahasa Jepun, pelajar dan guru adalah seperti berikut.

〈 **Jadual 1-4 : Bil. Institusi, Bil. Pelajar, Bil. Guru –Malaysia-** 〉 (%)

	Jumlah	Pen.SM	Pen.IPT	Lain-lain
Bil.institusi	130(100.0)	37(28.5)	22(16.9)	71(54.6)
Bil. pelajar	17,406(100.0)	5,562(32.0)	6,472(37.2)	5,372(30.9)
Bil. guru	412(100.0)	66(16.0)	132(32.0)	214(51.9)

1-9. Penganalisan Data

Kajian ini tidak hanya tertumpu kepada sesebuah kawasan tertentu, sebaliknya menitikberatkan aspek perbandingan kaedah dan situasi pembelajaran di antara beberapa negara. Walaubagaimanapun, oleh kerana sistem dan institusi pendidikan yang berbeza mengikut negara, analisis dalam Bab 2, dibahagikan kepada 3 jenis, berpandukan Japanese Language International Center, Japan Foundation (2000).

- ① [Institusi pendidikan menengah] : Pendidikan menengah rendah (3 tahun pertama) dan pendidikan menengah (2 tahun berikut).
- ② [Institusi pengajian tinggi] : Rancangan persediaan khas (selepas pendidikan menengah, sebelum pendidikan tinggi), universiti, politeknik, kolej.
- ③ [Institusi selain sekolah dan IPT] : sekolah persendirian, pendidikan di dalam sesebuah organisasi, kursus di dalam syarikat, kelas-kelas yang melibatkan kakitangan kerajaan, NPO

Jadual 1-5 menunjukkan jumlah subjek yang terlibat hasil daripada soalselidik yang dijalankan. Manakala, jawapan yang tidak menepati kehendak soalan diklasifikasikan sebagai [Tiada Jawapan]. Oleh sebab itu, keputusan kajian dalam bab 2 dan seterusnya, menunjukkan bilangan jawapan yang berlainan.

< Jadual 1-5 : Bil. Subjek > (%)

	Jumlah	Pen.SM	Pen.IPT	Lain-lain
Bil. pelajar	5,360 (100.0)	2,276 (42.5)	2245 (41.9)	839 (15.7)
Bil. guru	240 (100.0)	64 (26.7)	73 (30.4)	103 (42.9)

Rujukan

- Japanese Language International Center, Japan Foundation (2000) "Kajian Institusi Pendidikan Bahasa Jepun - Situasi Pendidikan Bahasa Jepun Di luar Negara. 1998"
- Japan Foundation(2005) "Kajian Institusi Pendidikan Bahasa Jepun - Situasi Pendidikan Bahasa Jepun Di luar Negara. 2003"

Laporan Berkaitan Kajian

- The National Institute for Japanese Language (2002) "Laporan : Kajian Mengenai Situasi dan Kaedah Pembelajaran Bahasa Jepun - Thailand(Bangkok), 2001"
- The National Institute for Japanese Language (2003) "Laporan : Kajian Mengenai Situasi dan Kaedah Pembelajaran Bahasa Jepun - Thailand(Bangkok) <versi Bahasa Thai>, 2001"
- The National Institute for Japanese Language (2004) "Laporan : Kajian Mengenai Situasi dan Kaedah Pembelajaran Bahasa Jepun - Korea Selatan, 2003"
- The National Institute for Japanese Language (2004) "Laporan : Kajian Mengenai Situasi dan Kaedah Pembelajaran Bahasa Jepun - Korea Selatan<versi Bahasa Korea>, 2003"
- The National Institute for Japanese Language (2005) "Laporan : Kajian Mengenai Situasi dan Kaedah Pembelajaran Bahasa Jepun - Taiwan, 2004"
- The National Institute for Japanese Language (2005) "Laporan : Kajian Mengenai Situasi dan Kaedah Pembelajaran Bahasa Jepun - Taiwan <versi Bahasa Cina>, 2004"

BAB 2 Laporan Kajian : Institusi Pengajian

Maklumat dan Ringkasan

Bab ini adalah laporan soalselidik borang [Kegunaan Institusi]. Dalam bab ini hasil jawapan borang soalselidik untuk kegunaan organisasi akan di kumpulkan. Seperti yg telah dinyatakan dari muka surat 1-8, borang ini diedarkan untuk mendapatkan maklumat tentang nama institut, alamat, bilangan guru Bahasa Jepun dan pelajar, dan kemudahan asas yang disediakan. Bab ini terbahagi kepada 4 seksyen, dan ringkasan untuk setiap seksyen disertakan bagi mendapatkan gambaran bab ini secara menyeluruh. Laporan lengkap bermula dari seksyen 2-1. Nombor rujukan pada setiap seksyen mewakili nombor soalan/seksyen yang digunakan di dalam borang soalselidik (rujuk bahagian akhir laporan). Contohnya, {Organisasi F1} merujuk kepada [F1] di dalam borang soalselidik yang diedarkan kepada institusi pengajian.

Bilangan jawapan yang boleh digunapakai dalam kajian ini adalah seperti dalam jadual 2-1. Bilangan institusi yang disenaraikan adalah institusi yang terlibat sahaja dan tidak mewakili bilangan kesemua institusi. Walaupun jadual 1-4 (ms. 5), menunjukkan hampir semua sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi menjadi subjek dalam kajian ini, tetapi perlu diingat bahawa sumber data yang diperolehi adalah daripada institusi yang terlibat sahaja. Malah, bilangan jawapan yang diperolehi adalah lebih sedikit berbanding dengan bilangan institusi yang memberikan kerjasama.

〈 **Jadual 2-1: Bilangan Jawapan Drpd. Institusi / Mengikut Senarai** 〉 (%)

	Jumlah	Pen.SM	Pen.IPT	Lain-lain
Bil.jawapan	89(100)	39(43.8)	23(25.8)	27(30.3)

Ringkasan : 2-1. Guru Bahasa Jepun

Bilangan pengajar tetap : Untuk sekolah menengah dan IPT, jawapan [1-5 org.] menunjukkan jumlah tertinggi, iaitu masing-masing 97.4% dan 73.9%. Manakala untuk institusi selain dari sekolah dan IPT, bilangan [0 org] dan [1-5 org] masing-masing menunjukkan 48.1% dan 44.4%, di mana bilangan guru tetap tidak lebih dari 5 orang menunjukkan peratusan paling tinggi.

Bilangan pengajar sementara : pendidikan menengah bilangan [0 org] menunjukkan peratus tertinggi, iaitu 94.9%. Manakala di IPT bilangan [0 org] menunjukkan 56.5% dan [1-5 org] sebanyak 43.5%. Seterusnya institusi selain daripada sekolah dan IPT, [1-5 org] menunjukkan peratus tertinggi, iaitu 51.9%.

Nisbah pengajar tetap dan sementara : Pendidikan menengah dan tinggi menunjukkan bilangan guru tetap yang lebih tinggi, dengan masing-masing 96.4% dan 80.3%. Manakala, untuk institusi selain daripada sekolah dan IPT pengajar sementara lebih ramai dengan peratusan sebanyak 58.7%. Dalam kategori pengajar tetap, jumlah guru Malaysia di sekolah menengah adalah 100%, dan 61.4% di IPT, berbanding dengan institusi lain daripada sekolah dan IPT, di mana guru Jepun lebih ramai, iaitu 60.0%. Dalam kategori pengajar sementara pula, guru Jepun merangkumi 75.0% di sekolah menengah, guru Malaysia merangkumi 52.5% di IPT, dan 62.6% di institusi selain daripada sekolah dan IPT.

Ringkasan : 2-2. Bilangan Pelajar Bahasa Jepun

Bilangan pelajar : Pendidikan menengah menunjukkan bilangan tertinggi, iaitu 84.6% untuk jawapan (> 100 < 500). IPT juga menunjukkan 47.8% untuk jawapan yang sama. Manakala lain-lain institusi pengajian menunjukkan bilangan (< 50) sebanyak 55.6%.

Ringkasan : 2-3. Penggunaan Kemudahan

Penggunaan komputer : Jawapan untuk [Boleh guna] di sekolah menengah dan IPT masing-masing 82.1% dan 87.0%. Manakala lain-lain institusi pengajian menunjukkan peratus yang rendah sebanyak 37.0%.

Bilangan komputer yang boleh digunakan : Kebanyakan institusi menunjukkan jawapan yang hampir sama untuk [Kegunaan guru], iaitu [1-10 buah] (62.5%, 65.0%, 80.0%). Manakala, di sekolah menengah [Kesemuanya kegunaan guru] adalah 37.5%, tetapi berpecah kepada [1-10 buah] [11-30 buah] [31-50 buah] [> 50 buah] seperti di IPT. Lain-lain institusi pengajian pula, menunjukkan bilangan tertinggi untuk [Kesemuanya kegunaan guru] (70.0%).

Penggunaan internet : Di sekolah menengah dan IPT, jawapan untuk [Tidak boleh guna] menunjukkan 30.8% dan 17.4%, jawapan [Boleh diguna oleh guru dan pelajar] menunjukkan bilangan tertinggi iaitu 59.0% dan 52.2%. Manakala di lain-lain institusi pengajian jawapan [Tidak boleh guna] menunjukkan jumlah tertinggi iaitu, 63.3%.

Penggunaan TV dan video : Di sekolah menengah, jawapan untuk [Boleh digunakan oleh guru dan pelajar] sebanyak 84.6%, IPT dan institusi selain daripada sekolah dan IPT menunjukkan bilangan yang rendah, dengan masing-masing 47.8% dan 37%, manakala jawapan untuk [Tidak boleh guna] masing-masing adalah 17.4% dan 40.7%.

Penggunaan makmal bahasa (LL) : Sekolah menengah dan lain-lain intitusi pengajian masing-masing menunjukkan peratus yang tinggi untuk jawapan [Tidak boleh guna], iaitu 92.3% dan 85.2%. IPT menunjukkan peratus melebihi separuh, iaitu 52.2% untuk jawapan [Boleh guna].

Penggunaan OHP : Sekolah menengah dan IPT, masing-masing menunjukkan 79.5% dan 91.3% untuk jawapan [Boleh guna]. Manakala lain-lain institusi pengajian menunjukkan bilangan sebanyak 63.0% untuk jawapan [Tidak boleh guna].

Penggunaan pemain kaset dan CD : Secara keseluruhan kesemua institusi menjawab [Boleh guna].

Penggunaan pemain video : Sekolah menengah, IPT dan institusi selain daripada sekolah dan IPT masing-masing menunjukkan 56.4%, 87.0% dan 51.9% untuk jawapan [Boleh guna].

Penggunaan pemain VCD : Sekolah menengah dan IPT masing-masing menunjukkan 76.9% dan 73.9% untuk jawapan [Boleh guna]. Manakala jawapan [Tidak boleh guna] di lain-lain institusi pengajian adalah 55.6%.

Penggunaan pemain DVD : Jawapan [Boleh guna] di IPT adalah 47.8%, di sekolah menengah dan lain-lain institusi pengajian, jawapan [Tidak boleh guna] (61.5%, 74.1%) menunjukkan peratus yang lebih tinggi.

Penggunaan bahan bacaan berkaitan Bahasa Jepun : Hampir keseluruhan institusi menjawab [Boleh guna]. Walaubagaimanapun, semua institusi tidak menyediakan bahan bacaan khas untuk kegunaan pelajar. Di sekolah menengah dan lain-lain institusi pengajian jawapan [Boleh digunakan guru dan pelajar] adalah paling tinggi iaitu, 60.0% dan 70.0%. Manakala di IPT pula, bilangan jawapan [Boleh digunakan guru sahaja] (43.5%) lebih tinggi. Mengenai bilangan bahan bacaan,

jawapan [< 100 buah] menunjukkan peratusan yang tinggi di semua institusi dan diikuti oleh [100-1000 buah].

Nota: nombor di dalam () adalah mengikut aturan, [Pen. SM] [Pen. IPT][Lain-lain].

Ringkasan : 2-4. Penglibatan / Penganjuran Aktiviti Berkaitan Bahasa Jepun

Sesi pelawat (visitor session) : Hampir kesemua institusi menunjukkan bilangan lebih kurang 30%.

Lawatan ke Jepun : Hampir semua institusi tidak pernah terlibat.

Rancangan pertukaran pelajar : 25.6% sekolah menengah pernah terlibat / menganjurkan aktiviti, dan bilangan IPT dan lain-lain institusi pengajian yang pernah terlibat / menganjurkan adalah kurang daripada 10%.

Pertandingan syarahan : 53.8% sekolah menengah pernah mengadakan dan menyertai aktiviti ini, dan IPT dan lain-lain institusi pengajian masing-masing adalah, 39.1% dan 33.3%. Manakala untuk jawapan [Pernah terlibat] pula, 76.2% sekolah menengah pernah terlibat di bawah anjuran pihak lain. 44.4% IPT pernah terlibat di bawah anjuran pihak lain dan 33.3% memilih [Anjuran sendiri dan pihak lain]. Manakala lain-lain institusi pengajian yang pernah terlibat di bawah anjuran sendiri adalah 22.2%, 33.3% di bawah [Anjuran pihak lain], dan 33.3% di bawah [Anjuran sendiri dan pihak lain].


Program sekolah angkat : Hampir semua institusi menunjukkan jawapan [Tidak ada]

2-1. Bilangan Guru

Berikut adalah laporan berkenaan bilangan guru yang diperolehi daripada institusi yang memulangkan borang soalselidik ini.

2-1-1. Bilangan Guru Tetap


Jawapan [1-5 orang] di sekolah menengah dan IPT masing-masing, 97.4% dan 73.9%. Manakala institusi selain daripada sekolah dan IPT, jawapan [0 org] adalah 48.1%, [1-5 org] adalah 44.4% (Carta 2-1). {Organisasi F1}



2-1-2. Bilangan Guru Sementara

Jawapan [0 org.] di sekolah menengah menunjukkan peratus tertinggi, 94.9%. Manakala untuk pendidikan di IPT, [0 org.] meliputi 56.5%, [1-5 org.] meliputi 43.5%. Bilangan [1-5 org.] guru sementara di lain-lain institusi pengajian adalah 51.9% (Carta 2-2).


{Organisasi F1}





2-1-3. Nisbah Antara Guru Tetap dan Guru Sementara, Guru Malaysia dan Guru Jepun

Nisbah guru tetap dan guru sementara adalah 96.4% di sekolah menengah, dan 80.3% di IPT, dimana bilangan guru tetap lebih tinggi berbanding guru sementara (Carta 2-3). Bagi guru tetap, nisbah antara guru Malaysia dan Jepun, menunjukkan bilangan guru Malaysia 100% di sekolah menengah, dan 61.4% di IPT, dimana guru Malaysia lebih ramai. Manakala di lain-lain institusi pengajian, bilangan guru Jepun lebih ramai, iaitu 60% (Carta 2-4). Bagi guru sementara, bilangan guru Jepun di sekolah adalah 75.0% dan 52.5% di IPT (hampir menyamai bilangan guru Malaysia). Di lain-lain institusi pengajian, bilangan guru Malaysia adalah lebih tinggi, iaitu 62.6% (Carta 2-5).

{Organisasi F1}






2-2. Bilangan Pelajar

Berikut adalah laporan kajian berkenaan bilangan pelajar.

Bagi sekolah menengah, bilangan [> 100 < 500 org.] menunjukkan peratus tertinggi iaitu 84.6%. Jawapan [>100 org. < 500 org.] di IPT juga menunjukkan peratus tertinggi, iaitu 47.8%. Lain-lain institusi pengajian menunjukkan peratus yang tinggi untuk jawapan [< 50 org.], iaitu 55.6% (Carta 2-6). {Organisasi F2}




Data terperinci mengenai institusi dan tahun pengajian disenaraikan dalam dalam Bab 3 bahagian 3-1 (ms. 22).

2-3. Penggunaan Kemudahan

Berikut adalah laporan mengenai penggunaan kemudahan yang disediakan seperti komputer dan sebagainya.

2-3-1. Penggunaan Komputer



Soalan mengenai komputer yang boleh di gunakan oleh pelajar atau guru Bahasa Jepun menunjukkan, 82.1% di sekolah menengah dan 87.0% di IPT. Manakala lain-lain institusi pengajian menunjukkan peratus rendah, iaitu 37.0% (Carta 2-7). {Organisasi F3-1}



Kebanyakan jumlah komputer untuk guru di pendidikan menengah, IPT dan lain-lain institusi adalah [1-10 buah] (62.5%, 65.0% dan 80.0%). Manakala untuk kegunaan pelajar pula, di sekolah menengah [Semua untuk kegunaan guru] menunjukkan bilangan tertinggi iaitu 37.5%, dan seterusnya jawapan

berpecah kepada [1-10 buah] [11-30 buah] [31-50 buah] [lebih dari 51 buah] menyamai IPT. Institusi selain dari sekolah dan IPT pula [Semua untuk kegunaan guru] menunjukkan bilangan tertinggi iaitu 70.0% (Carta 2-8, 2-9). Peratus yang ditunjukkan dalam () mengikut turutan [Pen. SM] [Pen. IPT] [Lain-lain].


{Organisasi F3-1}



2-3-2. Penggunaan Internet


Sekolah menengah dan IPT masing-masing menunjukkan 30.8%, 17.4% untuk jawapan [Tidak boleh digunakan], 59.0% dan 52.29% untuk jawapan [Boleh digunakan oleh pelajar dan guru]. Manakala untuk di lain-lain institusi pengajian, jawapan [Tidak boleh digunakan oleh guru dan pelajar] menunjukkan bilangan tertinggi, iaitu 63.0% (Carta 2-10).

{Organisasi F3-2}




2-3-3. Penggunaan TV / video

Pendidikan di sekolah menengah, jawapan [Boleh digunakan oleh guru dan pelajar] menunjukkan jawapan tertinggi iaitu 84.6%. Manakala IPT dan lain-lain institusi pengajian menunjukkan peratus yang rendah, iaitu 47.8%, 37.0%, dan untuk jawapan [Tidak boleh digunakan] sebanyak 17.4%, 40.7%. (Carta 2-11). {Organisasi F3-3}




2-3-4. Penggunaan Makmal Bahasa (LL)

Sekolah menengah dan lain-lain institusi pengajian, masing-masing menunjukkan 92.3%, 85.2% untuk jawapan [Tidak boleh digunakan]. Bagi pendidikan di IPT, jawapan [Boleh guna] merangkumi 52.2% (Carta 2-12). {Organisasi F3-4}




2-3-5. Penggunaan OHP

Sekolah menengah dan IPT masing-masing menunjukkan 79.5% dan 91.3% untuk jawapan [Boleh digunakan]. Manakala institusi selain daripada sekolah dan IPT menunjukkan 63.0% untuk jawapan [Tidak boleh digunakan] (Carta 2-13). {Organisasi F3-5}



2-3-6. Penggunaan Pemain kaset / CD


Semua institusi pendidikan menunjukkan peratus yang tinggi untuk jawapan [Boleh digunakan] (Carta 2-14). {Organisasi F3-6}



2-3-7. Penggunaan Pemain Video

IPT menunjukkan 87.0% untuk jawapan [Boleh digunakan], dan sekolah menengah dan institusi selain daripada sekolah dan IPT masing-masing menunjukkan 56.4% dan 51.9% (Carta 2-15).


{Organisasi F3-7}



2-3-8. Penggunaan Pemain VCD


Sekolah menengah dan IPT masing-masing menunjukkan 76.9% dan 73.9% untuk jawapan [Boleh digunakan]. Manakala lain-lain institusi pengajian menunjukkan 55.6% untuk jawapan [Tidak boleh digunakan] (Carta 2-15). [VCD] merujuk kepada [Video CD].

{Organisasi F3-8}





2-3-9. Penggunaan Pemain DVD

IPT menunjukkan peratus tinggi iaitu 47.8% untuk jawapan [Boleh digunakan]. Sekolah menengah dan lain-lain institusi pengajian menunjukkan peratus tinggi untuk jawapan [Tidak boleh digunakan], iaitu 61.5% dan 74.1% (Carta 2-17). {Organisasi F3-9}




2-3-10. Penggunaan Bahan Bacaan Berkaitan Bahasa Jepun

Kesemua institusi pendidikan membenarkan penggunaan bahan bacaan berkaitan Bahasa Jepun (Carta 2-18). Walaubagaimanapun, kesemua institusi tidak mempunyai bahan bacaan khas untuk kegunaan pelajar. Sekolah menengah dan lain-lain institusi pengajian menunjukkan peratus yang tinggi untuk jawapan [Boleh digunakan pelajar dan guru], iaitu 60.0% dan 70.0%. Manakala, IPT menunjukkan 43.5% untuk jawapan [Boleh digunakan guru sahaja] (Carta 2-19). {Organisasi F3-10}



Mengenai bilangan bahan bacaan yang disimpan, kesemua institusi memilih [< 100 buah] dan diikuti oleh [100 – 1000 buah] (Carta 2-20).




2-4. Penglibatan / Penganjuran Aktiviti Berkaitan Bahasa Jepun

Berikut adalah laporan daripada soalan berkenaan lawatan dan lain-lain aktiviti.

2-4-1. Sesi Pelawat (Visitor session)

Soalan samada pihak institusi menerima pelawat dari luar (institusi) untuk tujuan suai kenal dan rakan perbualan pelajar dsb. diajukan. Hanya 30% daripada institusi pengajian pernah terlibat dengan aktiviti ini, dan kebanyakannya tidak pernah menyertai/menganjurkannya. (Carta 2-21).


{Organisasi F4-1}



2-4-2. Lawatan ke Jepun


Hampir semua institusi pendidikan tidak pernah menyertai ataupun mengadakan lawatan ke Jepun (Carta 2-22).

{Organisasi F4-2}




2-4-3. Pertukaran Pelajar

Sekolah menengah menunjukkan 25.6% pernah mengadakan program pertukaran pelajar, manakala IPT dan institusi selain daripada sekolah dan IPT menunjukkan peratus yang rendah tidak mencecah 10% (Carta 2-23). {Organisasi F4-3}




2-4-4. Pertandingan Syarahan

Sekolah menengah menunjukkan 53.8% untuk pernah mengadakan dan menyertai pertandingan syarahan, manakala IPT dan institusi selain daripada sekolah dan IPT, masing-masing menunjukkan 39.1% dan 33.3% (Carta 2-24). {Organisasi F4-4}




Untuk soalan samada pernah menganjurkan pertandingan atau tidak, 76.2% sekolah menengah pernah terlibat di bawah anjuran pihak lain. 44.4% IPT pernah terlibat di bawah anjuran pihak lain dan 33.3% terlibat di bawah [Anjuran sendiri dan pihak lain]. Di lain-lain institusi pengajian, 22.2% terlibat di bawah [Anjuran sendiri], 33.3% di bawah [Anjuran pihak lain], dan 33.3% di bawah [Anjuran sendiri dan pihak lain] (Carta 2-25).



2-4-5. Sekolah Angkat

Hampir semua institusi pengajian tidak pernah mengadakan pertukaran sosio di bawah program sekolah angkat dengan sekolah di Jepun. Bagaimanapun terdapat 25.6% sekolah menengah pernah terbabit dengan program ini (Carta 2-26).

Walaupun bilangan institusi yang pernah mengadakan program ini sedikit, jawapan [Menerima lawatan] atau [Sekolah lawatan] banyak di sekolah menengah. Manakala IPT pula banyak [Menerima lawatan].
{Organisasi F4-5}



2-4-6. Lain-lain

Selain daripada pilihan jawapan yang diberikan, aktiviti seperti “Minggu Bahasa Jepun”, “Bon Odori”, “Lawatan Ke sekolah Jepun / Keluarga Jepun”, “Pertandingan Menulis” turut disenaraikan.

{Organisasi F4-6}

BAB 3 Laporan Kajian: Pelajar

Maklumat dan Ringkasan

Bab ini adalah laporan kajian mengenai “pelajar”. Ia terbahagi kepada 7 seksyen, dan ringkasan untuk setiap seksyen disertakan bagi mendapatkan gambaran secara menyeluruh. Sila rujuk 3-1 dan seterusnya untuk maklumat terperinci. Nombor rujukan pada setiap seksyen mewakili nombor soalan/seksyen yang digunakan di dalam borang soalselidik (rujuk bahagian akhir laporan). Contohnya, {Pelajar F1} merujuk kepada [F1] di dalam borang soalselidik kegunaan pelajar.

Jadual 3-1 adalah bilangan pelajar yang menjawab soalselidik mengikut institusi dan senarai (status). Subjek analisa seperti di dalam jadual 1-5 (ms. 6), bahagian 1-9.

〈 Jadual 3-1 : Bilangan Jawapan (Senarai) 〉 (%)

	Jumlah	Pen. SM	Pen. IPT	Lain-lain
Bilangan jawapan (Senarai)	5,360 (100)	2,276 (100)	2,245 (100)	839 (100)
SBP	2,235 (41.7)	2,231 (98.0)	0 (0)	4 (0.5)
SM	74 (1.4)	0 (0)	0 (0)	74 (8.8)
Selain drpd. SBP anda SM	52 (1.0)	45 (2.0)	0 (0)	7 (0.8)
Rancangan Persediaan Khas	537 (10.0)	0 (0)	535 (23.8)	2 (0.2)
Universiti	1,718 (32.1)	0 (0)	1,652 (73.6)	66 (7.9)
Kolej	127 (2.4)	0 (0)	58 (2.6)	69 (8.2)
Pekerja	535 (10.0)	0 (0)	0 (0)	535 (63.8)
Lain-lain	72 (1.3)	0 (0)	0 (0)	72 (8.6)
Tiada jawapan	10 (0.2)	0 (0)	0 (0)	10 (1.2)

Nota: SBP (Sekolah Berasrama Penuh), SM (Sekolah menengah).

Ringkasan : 3-1. Pelajar

Jantina : Perempuan 55.6% > Lelaki 44.0% , Warganegara : Malaysia 97.3%

Umur : Lapisan umur 10-an pelajar di sekolah menengah adalah 94.9%, IPT dan lain-lain institusi pengajian, menunjukkan peratus yang tinggi untuk lapisan umur 20-an (77.1%, 53.3).

Bahasa ibunda : 91.8% daripada pelajar sekolah menengah memilih Bahasa Malaysia. Manakala bagi pelajar di IPT dan lain-lain institusi, Bahasa Cina menunjukkan peratus tertinggi iaitu, 51.4% dan 55.2%.

Tahun mula belajar : Pelajar sekolah menengah yang memilih jawapan [Sewaktu di SBP] adalah 97.6%. Pelajar di IPT yang memilih jawapan [Sewaktu di universiti] adalah 67.4%, dan pelajar di lain-lain institusi pengajian yang memilih jawapan [Selepas bekerja] adalah 52.3%.

Tempat belajar Bahasa Jepun : Pelajar di sekolah menengah yang memilih jawapan [SBP] adalah 97.5%. Pelajar IPT yang memilih jawapan [Universiti] 69.0%, [Rancangan Persediaan Khas] (26.1%). Manakala pelajar di lain-lain institusi pengajian, memilih jawapan [Kolej swasta] (14.2%), [Tempat bekerja] (14.9%) dan [Lain-lain] (56.9%). Secara keseluruhan, bilangan pelajar yang belajar di luar institusi pengajian masing-masing adalah rendah.

Pengalaman melawat Jepun : Hanya 5.2 % daripada jumlah keseluruhan pelajar berpengalaman melawat Jepun.

Tujuan lawatan : Jawapan [Melancong] (39.5%) adalah paling tinggi di semua institusi, diikuti oleh [Pertukaran budaya] (19.2%), dan [Kursus di tempat kerja] (12.1%) di tempat ketiga.

Matlamat belajar Bahasa Jepun : Semua institusi menunjukkan peratus tertinggi bagi jawapan yang sama iaitu [Berminat dengan Bahasa Jepun].

Kemahiran Bahasa Jepun

Membaca : Kesemua institusi menunjukkan jawapan, [Boleh baca hiragana dan katakana] (51.4%, 38.2%, 36.0%), diikuti oleh [Boleh faham ayat ringkas] (30.9%, 32.5%, 30.4%).

Menulis : Kesemua institusi menunjukkan jawapan, [Boleh menulis hiragana dan katakana] (50.1%, 41.0%, 39.0%), diikuti oleh [Boleh menulis ayat pendek] (25.7%, 27.1%, 21.5%).

Mendengar : Kesemua institusi menunjukkan jawapan, [Boleh faham ayat ringkas, ucap selamat dan lain-lain yang digunakan dalam perbualan harian] (64.1%, 59.9%, 52.9%).

Bercakap : Kesemua institusi menunjukkan jawapan, [Boleh memperkenalkan diri] (52.8%, 45.7%, 40.3%), dan diikuti oleh [Boleh menggunakan ekspresi yang perlu dalam perbualan harian] (29.2%, 24.7%, 25.1%).

Nota : Peratus berturut di dalam () mewakili [Pen. SM] [Pen. IPT] [Lain-lain].

Ringkasan : 3-2. Penggunaan Bahasa Jepun

Pengalaman menggunakan Bahasa Jepun : 1,508 orang (28.1%) menjawab [Ya], dan 3,743 orang (69.8%) menjawab [Tidak]. Kesemua institusi menunjukkan persamaan dengan bilangan pelajar yang tidak menggunakan Bahasa Jepun lebih ramai.

Pasangan penggunaan Bahasa Jepun : [Guru Bahasa Jepun] (1,099 orang), [Rakan di sekolah] (1,031 orang), [Kenalan] (535 orang)

Cara menggunakan : Bagi yang memilih pasangan [Guru Bahasa Jepun] [Rakan di sekolah], lebih kurang 90% memilih cara [Perbualan], dan bagi pasangan [Kenalan], lebih kurang 60% memilih cara [Perbualan], dan diikuti oleh [E-mail] dan [Chat].

Pasangan yang selalu digunakan : Secara keseluruhan memilih [Guru Bahasa Jepun] (38.2%), [Rakan di sekolah] (27.9%), dan diikuti oleh [Kenalan] (7.3%)

Berikut adalah mengenai [Pasangan yang paling selalu digunakan Bahasa Jepun]

Kerakyatan pasangan : Di sekolah menengah, [Malaysia] (93.9%), IPT dan lain-lain institusi pengajian [Malaysia] masing-masing adalah 55.0% dan 45.8%), dan [Jepun] 41.4% dan 49.0%.

Jantina pasangan : 55.5% daripada keseluruhan adalah perempuan.

Kemampuan menggunakan Bahasa Jepun sewaktu mula menggunakannya : Semua institusi pengajian menunjukkan kecenderungan yang sama [Boleh sedikit] (72.1%, 55.3%, 50.0%).

Kekerapan menggunakan Bahasa Jepun : Di sekolah menengah, jawapan [2,3 kali seminggu] adalah 51.1%, dan pelajar di IPT dan lain-lain institusi pengajian yang menjawab [Setiap hari] adalah 48.0% dan 35.7%.

Cara berhubung : Semua institusi menunjukkan kecenderungan yang sama, berjumpa dengan pasangan, dengan menjawab [Berjumpa dan berbual] (80.9%, 79.5%, 68.2%).

Peratus Bahasa Jepun dalam penggunaan : Semua institusi menunjukkan kecenderungan yang sama, [Separuh dalam Bahasa Jepun dan separuh dalam bahasa lain] dengan masing-masing menunjukkan 63.4%, 36.4%, 45.5%. Diikuti oleh jawapan [Kebanyakannya dalam bahasa lain] dengan peratus 29.3%, 30.7% dan 26.2%.

Topik : Secara keseluruhan, topik [Berkaitan kehidupan] (38.1%), [Berkaitan pelajaran] (36.9%), [Berkaitan Bahasa Jepun] (25.7%) paling banyak terpilih..

Alasan menggunakan Bahasa Jepun : Secara keseluruhan, alasan [Seronok menggunakan Bahasa Jepun] [Mengekalkan prestasi kemampuan Bahasa Jepun] [Mahu bercakap dengan penutur Bahasa Jepun] menjadi pilihan mengikut turutan.

Alasan tidak menggunakan Bahasa Jepun di luar kelas : Secara keseluruhan jawapan [Penguasaan Bahasa Jepun anda masih belum mencukupi] meliputi 63.0%, dan diikuti oleh [Tidak mempunyai pasangan menggunakan Bahasa Jepun] sebanyak 14.6%.

Ringkasan : 3-3. Hubungan Dengan Bahan Yang Menggunakan Bahasa Jepun

Kedapatan bahan bertulis Bahasa Jepun atau bahan menggunakan Bahasa Jepun : 3,765 pelajar (70.2%) memilih [Ya] dan 1,503 orang (28.0%) memilih [Tidak].

Pengalaman mendengar dan melihat Bahasa Jepun di luar kelas : 3,383 pelajar (89.9%) pelajar memilih [Ya], dan 382 (10.1%) memilih [Tidak].

Bahan yang didengar / dilihat (tonton) : Semua institusi pendidikan menunjukkan kecenderungan yang sama, untuk jawapan [TV] [Video, VCD, DVD] di tempat teratas. Pelajar sekolah menengah kebanyakan memilih [Game] (50.0%) dan diikuti [Komik] (49.1%) sebagai bahan yang digunakan. Pelajar di IPT dan lain-lain institusi pengajian kebanyakan memilih [CD], dengan masing-masing menunjukkan 39.9% dan,39.0%.

Bahan yang selalu didengar / dilihat (tonton) : Secara keseluruhan [Video,VCD,DVD] (29.6%), [TV] (20.7%), diikuti oleh [Buku] (10.0%).

Berikut adalah mengenai bahan yang selalu didengar / dilihat (tonton).

Kekerapan mendengar/melihat (menonton) :

Di sekolah menengah, 41.8% pelajar memilih [2,3 kali sebulan], dan pelajar IPT yang memilih [2,3 kali sebulan] adalah 29.6%, diikuti [2,3 kali seminggu](27.5%). Manakala, pelajar di lain-lain institusi pengajian paling ramai memilih [2,3 kali seminggu] (33.9%).

Pemilik bahan yang didengar / dilihat (tonton) : Secara keseluruhan jawapan [Kepunyaan sendiri] (43.7%) menunjukkan peratus tertinggi. Manakala di sekolah menengah jawapan [Kepunyaan keluarga] meliputi 33.1%.

Isi kandungan bahan yang didengar / dilihat (tonton) : Antara topik yang paling banyak dipilih adalah [Masyarakat/kehidupan] (37.9%), [BahasaJepun / Pendidikan Bahasa Jepun] (19.5%), [Budaya / seni] (14.1%). Semua institusi menunjukkan peratus tertinggi untuk jawapan [Masyarakat/kehidupan].

Alasan mendengar / melihat (menonton) : Semua institusi menunjukkan peratus tertinggi untuk alasan [Seronok].

Alasan tidak mendengar / menonton bahan berkaitan Bahasa Jepun di luar kelas : Jawapan [Kemampuan Bahasa Jepun anda tidak mencukupi] menunjukkan peratus tertinggi, iaitu 73.0%.

Ringkasan : 3-4. Penggunaan Buku Teks Di luar Kelas

Pengalaman penggunaan : 4,059 pelajar (75.7%) memilih [Ya], 1,217 pelajar (22.7%) memilih [Tidak]. Di lain-lain institusi pengajian jawapan [Ya] menunjukkan peratus yang agak rendah, iaitu 66.9%.

Cara penggunaan di luar kelas : [Menyemak makna perkataan] (77.4%), [Menghafal] (69.2%), [Menjawab soalan latihan] (50.3%).

Alasan tidak menggunakan buku teks di luar kelas : [Tidak belajar Bahasa Jepun di luar kelasBahasa Jepun] (36.2%), diikuti oleh [Tidak tahu cara untuk menggunakannya] (22.8%).

Ringkasan : 3-5. Pengalaman Mengenai Peluang dan Tempat Penggunaan

Pengalaman menggunakan : 1,515 pelajar (28.3%) memilih [Ya], dan 3,690 pelajar (68.8%) memilih [Tidak].

Peluang dan tempat penggunaan (Malaysia) : 1,357 pelajar (89.6%) memilih Malaysia, 165 pelajar (10.9%) memilih Jepun. Bagi pelajar yang memilih Malaysia, pengalaman yang pernah dilalui berpecah kepada, [Program suai kenal dengan orang Jepun] (50.6%), [Menyertai program/acara yang menggunakan Bahasa Jepun] (36.8%), dan [Pernah ke pusat bahan-bahan bacaan mengenai Jepun/perpustakaan] (31.2%).

Peluang dan tempat penggunaan(Jepun) : Secara keseluruhan memilih [Lawatan / homestay dirumahkeluarga Jepun] (60.0%), [Program suai kenal dengan orang Jepun] (49.1%), diikuti oleh [Menyertai kumpulan orang-orang Jepun, tempat perkumpulan orang Jepun] (23.6%).

Kedapatan pengalaman yang ingin diulangi atau diteruskan : [Ada] (88.2%).

Pengalaman yang paling ingin diulangi atau diteruskan : [Program suai kenal dengan orang Jepun] (32.1%) menunjukkan peratus yang tinggi di semua institusi, diikuti oleh [Luwatan / homestay di rumah keluarga Jepun] (13.7%), dan [Menyertai program / acara yang menggunakan Bahasa Jepun] (11.2%).

Ringkasan : 3-6. Bahan Yang Sedang Digunakan Untuk Belajar Bahasa Jepun

Bahan yang sedang digunakan : Pelajar di semua institusi menunjukkan persamaan dengan memilih [Buku rujukan/latihan Bahasa Jepun] (86.8%), diikuti oleh [Filem Bahasa Jepun] (46.8%), dan [Lagu Bahasa Jepun] (44.1%) sebagai bahan yang digunakan untuk belajar.

Buku rujukan/latihan yang sedang digunakan : Antara jenis buku rujukan/latihan yang paling banyak digunakan adalah [Perkataan] (61.0%), [Perbualan] (46.0%), [Kanji] (37.5%).

Ringkasan : 3-7. Bahan Yang Perlu Diperbaiki Di masa Hadapan

Bahan yang perlu diperbaiki untuk masa hadapan : [Kamus] (79.4%), [Buku rujukan / latihan] (62.8%), [Filem Bahasa Jepun] (53.3%), [Program lawatan ke rumah keluarga Jepun / homestay] (49.1%), [Peluang menyambung pelajaran] (45.3%)

Buku rujukan/latihan yang perlu diperbaiki : Secara keseluruhan kebanyakan pelajar memilih [Perbualan] (55.5%) dan [Perkataan] (51.6%). Manakala pelajar sekolah menengah paling ramai memilih [Perkataan] (59.3%).

Kamus yang perlu diperbaiki : Pelajar sekolah menengah memilih, kamus [BJ - BM] (74.8%), diikuti oleh kamus [BM - BJ] (67.6%). Manakala pelajar di IPT dan lain-lain institusi memilih [BJ - BI] dengan masing-masing menunjukkan peratus sebanyak 46.3% dan 49.1%.



Nota: BJ (Bahasa Jepun), BM (Bahasa Malaysia), BI (Bahasa Inggeris).

3-1. Pelajar


Berikut adalah laporan kajian pelajar mengikut jantina, umur, pengalaman melawat Jepun dan tujuan lawatan, objektif belajar Bahasa Jepun, kemampuan Bahasa Jepun dan lain-lain data asas yang diperolehi daripada borang soalselidik.

3-1-1. Jantina

Bilangan pelajar perempuan meliputi 55.6% lebih ramai berbanding pelajar lelaki 44.0% (Carta 3-1). Di sekolah menengah bilangan pelajar lelaki dan perempuan hampir sama (Carta 3-2). {Pelajar F1}




3-1-2. Kerakyatan



Kebanyakan pelajar adalah rakyat [Malaysia] (97.3%). Manakala bagi jawapan [Lain-lain], antara negara yang disenaraikan adalah, [Negara Asia Tenggara selain daripada Malaysia] [Cina] [England] [Jepun] dan [Dua kerakyatan] (Carta 3-3). {Pelajar F2}

3-1-3. Umur


94.9% daripada pelajar di sekolah menengah berumur [10-an] dan 77.1% daripada pelajar di IPT berumur [20-an]. Bilangan pelajar berumur [20-an] (53.3%) juga tinggi di lain-lain institusi pengajian, dan bilangan pelajar yang berumur [30-an] juga lebih tinggi berbanding dengan sekolah menengah dan IPT (Carta 3-4). {Pelajar F3}



3-1-4. Bahasa Ibunda

91.8% daripada pelajar yang terlibat dengan kajian di sekolah menengah menjawab Bahasa Malaysia. Pelajar di IPT dan lain-lain institusi, paling ramai menjawab Bahasa Cina (51.4% dan 55.2%) (Carta 3-5).


{Pelajar F4}



3-1-5. Tahun Mula Belajar

Pelajar di sekolah menengah yang mula belajar di [Sekolah berasrama penuh] adalah 97.6%. Kebanyakan pelajar IPT menjawab [Universiti] 67.4%, dan pelajar di lain-lain institusi kebanyakannya memilih [Setelah mendapat pekerjaan] (52.3%) (Carta 3-6). Pelajar di lain-lain institusi pengajian menyenaraikan [Selepas lawatan ke Jepun menerusi program pertukaran budaya dll] dan [Sekolah rendah] untuk pilihan [Lain-lain].


{Pelajar F6}



3-1-6. Tempat Belajar

97.5% pelajar sekolah menengah memilih [Sekolah berasrama penuh], 69.0% pelajar IPT memilih [Universiti], 26.1% memilih [Program persediaan khas di universiti]. Pelajar di lain-lain institusi pengajian memilih [Kolej] (14.2%), [Syarikat] (14.2%) dan [Lain-lain] (56.9%). Secara keseluruhan, pelajar yang belajar di tempat selain daripada institusi masing-masing adalah sedikit (Carta 3-7).



{Pelajar F7}



3-1-7. Pengalaman Melawat Jepun

Hanya 5.2% daripada keseluruhan pelajar pernah melawat Jepun (Carta 3-8). Pelajar di lain-lain institusi pengajian yang pernah melawat Jepun adalah 21.2% (Carta 3-9).

{Pelajar F8}




3-1-8. Tujuan Lawatan

Jadual 3-2 menunjukkan tujuan pelajar yang pernah melawat Jepun. Secara keseluruhan kebanyakan pelajar di semua institusi menunjukkan persamaan pada jawapan [Melancong] (39.5%), [Pertukaran budaya] (19.2%), diikuti oleh [Kursus dari jabatan/syarikat] (12.1%). Manakala mengikut institusi pengajian pula, pelajar di lain-lain institusi pengajian yang memilih [Kursus dari jabatan/syarikat] (18.5%) kedua ramai. Bagi jawapan [Lain-lain], kesemua institusi menunjukkan persamaan dengan menyenaraikan [Program pertukaran pelajar] (Carta 3-10). {Pelajar F8-2}

< Jadual 3-2 : Tujuan Lawatan ke Jepun > (%), Bil. Pelajar Yang Menjawab Soalan

Kedudukan	Keseluruhan	Pen. SM	Pen. IPT	Lain-lain
1	Melancong (39.5%, 111)	Melancong (52.4%, 22)	Melancong (39.3%, 24)	Melancong (36.5%, 65)
2	Pertukaran budaya (19.2%, 54)	Menetap dgn. keluarga (19.0%, 8)	Pertukaran budaya (31.1%, 19)	Kursus jabatan / syarikat (18.5%, 33)
3	Kursus jabatan / syarikat (12.1%, 34)	Melawat keluarga (16.7%, 7)	Menetap dgn. keluarga (16.4%, 10)	Pertukaran budaya (18.0%, 32)

(Boleh jawab > 1)



3-1-9. Matlamat Belajar

Jadual 3-3 menunjukkan kedudukan teratas matlamat belajar Bahasa Jepun yang dipilih pelajar mengikut pembahagian markah kepada, 1 (3 markah), 2 (2 markah) dan 3 (1 markah). Secara keseluruhan jawapan [Berminat dengan Bahasa Jepun] mendapat pilihan terbanyak. Begitu juga jawapan [Ingin pergi ke Jepun] dan [Menyukai pelbagai produk Jepun]. Jawapan mengikut institusi pengajian pula, pelajar di sekolah menengah ramai yang memilih [Kerana terdapat mata pelajaran Bahasa Jepun di sekolah anda], dan pelajar di lain-lain institusi pengajian ramai yang memilih [Berguna untuk pekerjaan sekarang].

Bagi pilihan [Lain-lain] pula, pelajar di IPT menyenaraikan [Untuk melanjutkan pelajaran ke Jepun] [Sebagai pelajar di bawah tajaan untuk melanjutkan pelajaran ke Jepun]. Manakala pelajar di lain-lain institusi pengajian menyenaraikan [Berminat dengan bahasa] [Untuk mengikuti kursus teknologi ke Jepun].

{Pelajar F9}

< Jadual 3-3 : Matlamat Belajar Bahasa Jepun > () : Jumlah Markah


Kedudukan	Keseluruhan	Pen. SM	Pen. IPT	Lain-lain
1	Berminat dgn. Bahasa Jepun (6,594)	Berminat dgn. Bahasa Jepun (2,891)	Berminat dgn. Bahasa Jepun (2,805)	Berminat dgn. Bahasa Jepun (898)
2	Ingin pergi ke Jepun (3,560)	Ingin pergi ke Jepun (1,623)	Ingin pergi ke Jepun (1,526)	Berguna utk pekerjaan sekarang (487)
3	Menyukai pelbagai produk Jepun (2,238)	Terdapat mata pelajaran Bahasa Jepun di sek. (1,325)	Berminat dgn. teknologi Jepun (1,104)	Ingin pergi ke Jepun (411)
4	Berminat dgn. Tekonologi Jepun (2,203)	Menyukai pelbagai produk Jepun (904)	Menyukai pelbagai produk Jepun (1,033)	Ingin mengetahui budaya dan social rakyat Jepun (376)
5	Kerana terdapat matapelajaran Bahasa Jepun di sek. (2,144)	Berminat dgn. teknologi Jepun (902)	Berminat dgn. negara Jepun (994)	Menyukai pelbagai produk Jepun (301)

(Boleh jawab > 1)

3-1-10. Kemahiran Bahasa Jepun

Pelajar diminta menilai kemahiran [Membaca] [Mendengar] [Menulis] [Bertutur] dalam Bahasa Jepun mengikut 6 peringkat. Purata yang diperolehi berdasarkan penilaian berskala adalah seperti Carta 3-11. Semua institusi menunjukkan persamaan kemahiran yang rendah untuk [Mendengar] dan tinggi untuk [Bercakap]. Perbezaan nombor dapat dilihat pada setiap kemahiran, dan nombor yang tinggi menunjukkan penilaian yang tinggi (Rujuk Carta 3-12 hingga 3-15).

{Pelajar F10}



< Jadual 3-4 : Kemahiran Bahasa Jepun >


Kebolehan	Jumlah	Pen. SM	Pen. IPT	Lain-lain
Membaca	2.67	2.68	2.64	2.76
Menulis	2.69	2.72	2.68	2.62
Mendengar	2.36	2.34	2.37	2.40
Bertutur	3.08	3.16	3.03	2.99

(Penilaian berskala <1 - 6>)

Berikut adalah laporan mengikut kemahiran [Membaca] [Menulis] [Mendengar] [Bertutur].


(1) [Membaca]

Secara keseluruhan pelajar di semua institusi paling ramai memilih [Boleh membaca katakana dan hiragana] (51.4%, 38.2%, 36.0%), diikuti oleh [Boleh memahami ayat/karangan mudah] (30.9%, 32.5% dan 30.4%). Pelajar yang memilih [Tidak boleh] di IPT dan lain-lain institusi adalah 16.7% dan 11.2% (Carta 3-12). Peratus yang ditulis bertutur di dalam () adalah mengikut turutan [Pen. SM] [Pen. IPT] [Lain-lain]. (Pelajar F10-1)




(2) [Menulis]

Kebanyakan pelajar di semua institusi memilih [Boleh menulis hiragana dan katakana] (50.1%, 41.0%, 39.0%) dan [Boleh menulis ayat mudah] (25.7%, 27.1%, 21.5%). Pelajar yang memilih [Tidak boleh] di IPT dan lain-lain institusi adalah 14.5% dan 11.0% (Carta 3-13) . {Pelajar F10-2}



(3) [Mendengar]


Kebanyakan pelajar di semua institusi memilih [Boleh memahami perbualan ringkas harian dan ucap selamat] (64.1%, 59.9%, 52.9%) (Carta 3-14). {Pelajar F10-3}



(4) [Bertutur]

Kebanyakan pelajar di semua institusi memilih [Boleh memperkenalkan diri] (52.8%, 45.7%, 40.3%), diikuti oleh [Boleh bertutur untuk keperluan hidup seharian] (29.2%, 24.7%, 25.1%) (Carta 3-15).


{Pelajar F10-4}



3-2. Penggunaan Bahasa Jepun


Berikut adalah laporan tentang penggunaan Bahasa Jepun di luar kelas, berhubung dengan pasangan penggunaan, kekerapan, cara, isi kandungan / topik, alasan penggunaan dan sebagainya.

3-2-1. Pengalaman Menggunakan Bahasa Jepun



Secara keseluruhan 1,508 pelajar (28.1%) menjawab [Ya] dan 3,743 pelajar (69.8%) menjawab [Tidak], di mana peratus pelajar yang tidak menggunakan Bahasa Jepun di luar kelas lebih tinggi (Carta 3-16).

Jika dilihat mengikut institusi pengajian, bilangan pelajar yang tidak menggunakan Bahasa Jepun lebih tinggi dengan hanya 34.1% menjawab [Ya] (Carta 3-17).
{Pelajar Q1}



< Jadual3-5 : Pengalaman Menggunakan Bahasa Jepun > (%)

		Jumlah	Pen. SM	Pen. IPT	Lain-lain
Bil. pelajar yang menjawab soalan	Ada	1,508(28.1)	560(24.6)	662(29.5)	286(34.1)
	Tiada	3,743(69.8)	1,677(73.7)	1,555(69.3)	511(60.9)
	Tiada jawapan	109(2.0)	39(1.7)	28(1.2)	42(5.0)

3-2-2. Pasangan dan Cara Menggunakan Bahasa Jepun



Jadual 3-6 adalah pilihan jawapan daripada pelajar yang memilih [Ya] di dalam 3-2-1. [Guru Bahasa Jepun] menunjukkan peratus yang tinggi di semua institusi, dan jawapan seperti [Kawan di sekolah] [Rakan sekelas di pusat tuisyen atau institut bahasa] dan mereka yang berkaitan dengan pendidikan Bahasa Jepun dapat dilihat.
{Pelajar Q1-1}


〈 Jadual 3-6 : Pasangan 〉 () Bil. Pelajar Yang Menjawab Soalan

Kedudukan	Keseluruhan	Pen. SM	Pen. IPT	Lain-lain
1	Guru Bahasa Jepun (1,099)	Kawan di sekolah (486)	Guru Bahasa Jepun (520)	Guru Bahasa Jepun (186)
2	Kawan di sekolah (1,031)	Guru Bahasa Jepun (393)	Kawan di sekolah (466)	Rakan sekelas di pusat tuisyen/institut bahasa (149)
3	Kenalan (535)	Kenalan (210)	Rakan sekelas di pusat tuisyen /institut bahasa (231)	Kenalan (112)

(Boleh jawab > 1)

Cara menggunakan Bahasa Jepun di dalam jadual 3-6, menunjukkan pilihan 3 teratas. Seterusnya kaedah yang digunakan mengikut pasangan di gambarkan di dalam carta 3-18, 3-19, dan 3-20. Semua institusi menunjukkan kecenderungan yang sama dengan peratus yang tinggi untuk kaedah [Bertemu dan berbual] (90%) bagi pasangan [Guru Bahasa Jepun] dan [Kawan di sekolah]. Manakala bagi pelajar yang memilih pasangan [Kenalan] peratus bagi kaedah [bertemu dan berbual] adalah 60%, diikuti oleh [E-mail] dan [Chat] (Carta 3-18 hingga 3-20).





3-2-3. Pasangan Yang Selalu Digunakan Bahasa Jepun

Jadual 3-7 menunjukkan pasangan yang paling selalu digunakan Bahasa Jepun oleh pelajar di 3-2-2. Secara keseluruhan, kedudukan 3 teratas diwakili oleh ① [Guru Bahasa Jepun] (38.2%), ② [Kawan di sekolah] (27.9%), dan ③ [Kenalan] (7.3%). Pelajar di sekolah menengah yang memilih [Kawan di sekolah] (40.4%) lebih ramai berbanding dengan [Guru Bahasa Jepun]. Manakala bagi pelajar di lain-lain institusi yang memilih [Rakan sekerja] (11.2%) agak ramai. {Pelajar Q1-2①}


< Jadual 3-7 : Pasangan Yang Paling Selalu Digunakan Bahasa Jepun >
(%), Bil. Pelajar Yang Menjawab Soalan

Kedudukan	Keseluruhan	Pen. SM	Pen. IPT	Lain-lain
1	Guru Bahasa Jepun (38.2%, 576)	Kawan di sekolah (40.4%, 226)	Guru Bahasa Jepun (42.7%, 283)	Guru Bahasa Jepun (28.3%, 81)
2	Kawan di sekolah (27.9%, 576)	Guru Bahasa Jepun (37.9%, 212)	Kawan di sekolah (27.0%, 179)	Kenalan (11.5%, 33)
3	Kenalan (7.3%, 110)	Kenalan (5.9%, 33)	Rakan sekelas di pusat tuisyen/institut bahasa (10.1%, 67)	Rakan sekerja (11.2%, 32)

3-2-11 adalah laporan hasil soalan mengenai pasangan yang digunakan Bahasa Jepun. Laporan ini tidak merangkumi analisa lengkap mengenai pasangan yang paling selalu digunakan Bahasa Jepun.


3-2-4. Kerakyatan Pasangan

Kebanyakan pasangan pelajar di sekolah menengah adalah rakyat [Malaysia] (93.9%). Pasangan pelajar di IPT dan lain-lain institusi adalah, [Malaysia] (55.0%, 45.8%), dan [Jepun] (41.4%, 49.0%) (Carta 3-21). {Pelajar Q1-2②}




3-2-5. Jantina Pasangan

Secara keseluruhan semua institusi pengajian menunjukkan kecenderungan yang sama dengan peratus pasangan [Perempuan] melebihi [Lelaki].(Carta 3-22). {Pelajar Q1-2③}




3-2-6. Kemampuan Bahasa Jepun Sewaktu Mula Menggunakannya

Keseluruhan institusi menunjukkan kecenderungan yang sama untuk soalan penilaian kemampuan Bahasa Jepun sewaktu mula menggunakannya dengan pasangan masing-masing, iaitu [Boleh sedikit] (72.1%, 55.3%, 50.0%). Manakala di IPT dan lain-lain institusi jawapan [Hampir tidak boleh] masing-masing adalah 22.1% dan 24.8% (Carta 3-23). {Pelajar Q1-2④}




3-2-7. Kekerapan Menggunakan Bahasa Jepun

Pelajar di sekolah menengah paling ramai memilih [2,3 kali seminggu](51.1%) dan pelajar di IPT dan lain-lain institusi yang memilih [Setiap hari] (48.0%, 35.7%) (Carta 3-24). {Pelajar Q1-2⑤}



3-2-8. Cara Penggunaan


Pelajar di semua institusi menunjukkan kecenderungan yang sama untuk jawapan [Berjumpa dan berbual] (80.9%, 79.5%, 68.2%) (Carta 3-25). Pelajar di lain-lain institusi menunjukkan peratus yang tinggi untuk jawapan [Berbual melalui telefon] (16.1%) dan [E-mail] (15.7%) berbanding dengan sekolah menengah dan IPT. {Pelajar Q1-2⑥}



3-2-9. Peratus Bahasa Jepun Dalam Penggunaan

Keseluruhan institusi menunjukkan peratus yang tinggi untuk jawapan [Separuh dalam Bahasa Jepun dan separuh dalam bahasa lain] (63.4%, 36.4%, 45.5%), diikuti oleh [Kebanyakannya dalam bahasa lain] (29.3%, 30.7%, 26.2%). IPT menunjukkan peratus yang hampir sama untuk kedua pilihan (Carta 3-26).

{Pelajar Q1-2⑦}



3-2-10. Topik


Secara keseluruhan topik yang dipilih adalah [Berkaitan kehidupan] (38.1%), [Berkaitan pelajaran] (36.9%) dan diikuti oleh [Berkaitan Bahasa Jepun] (34.3%). Sekolah menengah menunjukkan peratus yang hampir sama untuk jawapan [Berkaitan pelajaran] (37.0%), [Berkaitan Bahasa Jepun] (34.3%), dan [Berkaitan kehidupan] (30.9%). Ramai pelajar IPT memilih [Berkaitan kehidupan] (43.5%) dan [Berkaitan pelajaran] (43.2%). Manakala pelajar di lain-lain institusi yang memilih [Berkaitan pekerjaan] (23.1%) juga ramai.

{Pelajar Q1-2⑧}

< Jadual 3-8 : Topik > (%), Bil. Pelajar Yang Menjawab Soalan

Kedudukan	Keseluruhan	Pen. SM	Pen. IPT	Lain-lain
1	Kehidupan (38.1%, 575)	Pelajaran (37.0%, 207)	Kehidupan (43.5%, 288)	Kehidupan (39.9%, 114)
2	Pelajaran (36.9%, 556)	Bahasa Jepun (34.3%, 192)	Pelajaran (43.2%, 286)	Bahasa Jepun (25.9%, 74)
3	Bahasa Jepun (25.7%, 387)	Kehidupan (30.9%, 173)	Bahasa Jepun (18.3%, 121)	Pekerjaan (23.1%, 66)

(Boleh jawab > 1)




Carta 3-27 : Topik (Mengikut Institusi) (Boleh jawab > 1)

3-2-11. Alasan Menggunakan Bahasa Jepun

Soalan mengenai alasan menggunakan Bahasa Jepun diberikan dalam bentuk skala berperingkat [5. Setuju] hingga [1. Tidak setuju]. Carta 3-28 dan jadual 3-9 adalah purata berdasarkan penilaian keseluruhan jawapan. [Seronok menggunakan Bahasa Jepun] [Mengekalkan prestasi kemampuan Bahasa Jepun][Mahu bercakap dengan penutur Bahasa Jepun] yang menunjukkan bilangan tertinggi.

{Pelajar Q1-2⑨}



Carta 3-28 : Alasan Menggunakan Bahasa Jepun (Mengikut Senarai) (Purata Berdasarkan Penilaian Berskala 1 - 5)

< Jadual 3-9 : Alasan Menggunakan Bahasa Jepun >


	Keseluruhan	Pen. SM	Pen. IPT	Lain-lain
Seronok menggunakan Bahasa Jepun	4.31	4.45	4.24	4.21
Mahu bercakap dengan penutur Bahasa Jepun	4.08	3.99	4.10	4.20
Mengekalkan prestasi kemampuan Bahasa Jepun	4.31	4.38	4.26	4.30
Diwajibkan atas keperluan pekerjaan	2.37	2.21	2.46	2.48
Bahasa Jepun paling mudah difahami oleh kedua pihak	2.70	2.60	2.74	2.78
Kerana pasangan menggunakan Bahasa Jepun	3.15	2.92	3.28	3.29
Sudah menjadi kebiasaan	2.65	2.65	2.62	2.74

(Purata penilaian berskala <1 - 5>)

3-2-12. Alasan Tidak Menggunakan Bahasa Jepun Di luar Kelas

Seperti yang telah dinyatakan dalam bahagian 3-2-1(ms.33), secara keseluruhan peratus pelajar yang tidak menggunakan Bahasa Jepun (69.8%) melebihi pelajar yang menggunakannya (28.1%). Alasan terbanyak yang diberikan adalah [Penguasaan Bahasa Jepun anda masih belum mencukupi] (63.0%), diikuti oleh [Tidak mempunyai pasangan menggunakan Bahasa Jepun] (14.6%).

Jika dilihat mengikut institusi pengajian pula, ramai pelajar sekolah menengah memilih [Penguasaan Bahasa Jepun anda masih belum mencukupi] (69.4%), pelajar di lain-lain institusi yang memilih jawapan [Tidak mempunyai pasangan menggunakan Bahasa Jepun] (32.7%) dan [Penguasaan Bahasa Jepun anda masih belum mencukupi] (44.0%) adalah hampir sama (Carta 3-29). {Pelajar Q1-3}



3-3. Hubungan Dengan Bahan Yang Menggunakan Bahasa Jepun

Bahagian ini adalah laporan berkenaan dengan jenis bahan-bahan yang menggunakan Bahasa Jepun dan kaedah yang digunakan oleh pelajar dalam penggunaannya.


3-3-1. Kedapatan Bahan Bertulis Bahasa Jepun atau Bahan Menggunakan Bahasa Jepun

Jadual 3-10 menunjukkan jawapan pelajar tentang penggunaan bahan yang menggunakan Bahasa Jepun selain daripada bahan yang digunakan di dalam kelas. 3,765 pelajar (70.2%) menjawab [Ya], dan 1,503 pelajar (28.0%) menjawab [Tidak]. {Pelajar Q2}

〈 **Jadual 3-10 : Kedapatan Bahan Bertulis / Bahan yang Menggunakan Bahasa Jepun** 〉 (%)

		Jumlah	Pen. SM	Pen. IPT	Lain-lain
Bil. pelajar yang menjawab soalan	Ya	3,765(70.2)	1,628(71.5)	1,526(68.0)	611(72.8)
	Tidak	1,503(28.0)	616(27.1)	679(30.2)	208(24.8)
	Tiada jawapan	92(1.7)	32(1.4)	40(1.8)	20(2.4)

3-3-2. Pengalaman Mendengar / Melihat (menonton) Bahasa Jepun Di luar Kelas



3,383 (89.9%) daripada pelajar yang menjawab [Ya] di 3-3-1, mempunyai pengalaman mendengar/melihat Bahasa Jepun di luar kelas, dan 382 pelajar (10.1%) tidak mendengar/melihat Bahasa Jepun di luar kelas (Carta 3-30). Tiada perbezaan yang ketara di antara institusi pengajian (Jadual 3-11).

{Pelajar Q2-1}

〈 **Jadual 3-11 : Pengalaman Mendengar / Melihat (menonton) Bahasa Jepun Di luar Kelas** 〉 (%)

		Jumlah	Pen. SM	Pen. IPT	Lain-lain
Bilangan Jawapan	Ya	3,383(89.9)	1,481(91.0)	1,348(88.3)	554(90.7)
	Tidak	382(10.1)	147(9.0)	178(11.7)	57(9.3)

3-3-3. Bahan Yang Di dengar / Dilihat (tonton)


Jadual 3-12 adalah hasil daripada soal selidik mengenai bahan yang didengar/lihat oleh pelajar. Keseluruhan institusi pengajian menunjukkan persamaan untuk jawapan [TV] [Video, VCD, DVD]. [VCD] merujuk kepada [Video CD]. Kebanyakan pelajar di sekolah menengah memilih [Game] (50.0%), diikuti oleh [Komik](49.1%). Manakala pelajar di IPT dan lain-lain institusi kebanyakan memilih [CD](39.9%, 39.0%) (Carta 3-31).

{Pelajar Q2-2}

< Jadual 3-12 : Bahan yang Didengar / Dilihat (tonton) (%) , Bil. Pelajar Yang Menjawab Soalan

Kedudukan	Keseluruhan	Pen. SM	Pen. IPT	Lain-lain
1	Video, VCD, DVD (63.8%, 2,157)	TV (62.7%, 929)	Video, VCD, DVD (74.2%, 1,000)	Video, VCD, DVD (65.9%, 365)
2	TV (57.2%, 1,934)	Video, VCD, DVD (53.5%, 792)	TV (52.5%, 708)	TV (53.6%, 297)
3	Komik (39.0%, 1,321)	Game (50.0% · 740)	CD (39.9%,538)	CD (39.0%, 216)

(Boleh jawab > 1)



[Muzik / lagu Bahasa Jepun] turut disenaraikan di [Lain-lain], dan pelajar di lain-lain institusi turut menyenaraikan [Dokumen berkaitan kerja].

3-3-4. Bahan Yang Selalu Didengar / Dilihat (tonton)


Jadual 3-13 adalah mengenai jenis bahan yang selalu didengar / dilihat (tonton). Secara keseluruhan jawapan tertumpu kepada [Video, VCD, DVD] (29.6%), [TV] (20.7%), diikuti oleh [Buku] (10.0%).

{Pelajar Q2-3①}

< Jadual 3-13 : Bahan Yang Selalu Didengar / Dilihat (tonton) (%)

Kedudukan	Keseluruhan	Pen. SM	Pen. IPT	Lain-lain
1	Video, VCD, DVD (29.6)	TV (26.1)	Video, VCD, DVD (42.2)	Video, VCD, DVD (30.7)
2	TV (20.7)	Video, VCD, DVD (17.8)	TV (15.9)	TV (17.7)
3	Buku (10.0)	Game (12.7)	CD (8.5)	Buku (12.1)


Carta 3-32 menunjukkan pilihan jawapan mengikut institusi pengajian. Peratus jawapan [TV] di sekolah menengah adalah 26.1%. Manakala di IPT dan lain-lain institusi pengajian [Video, VCD, DVD] masing-masing adalah 42.2% dan 30.7%.



Berikut hingga 3-3-8 adalah laporan mengenai bahan yang selalu didengar / dilihat (tonton). Laporan ini tidak mengandungi laporan terperinci bahan yang terpilih sebagai bahan paling selalu didengar / dilihat (tonton) yang dipilih.


3-3-5. Kekerapan Mendengar / Melihat (menonton)

Kebanyakan pelajar di sekolah menengah memilih [2,3 kali sebulan] (41.8%). Pelajar IPT yang memilih [2,3 kali sebulan] (29.6%), dan [2,3 kali seminggu] (27.5%) adalah hampir sama. Manakala pelajar di lain-lain institusi yang memilih [2,3 kali seminggu] (33.9%) (Carta 3-33). {Pelajar Q2-3②}



3-3-6. Pemilik Bahan Yang Didengar / lihat (tonton)

Kebanyakan pelajar memilih [Kepunyaan sendiri] (43.7%), dan pelajar di sekolah menengah yang memilih [Kepunyaan keluarga] adalah 33.1%. Manakala di [Lain-lain], pelajar turut menyenaraikan [Kepunyaan stesen penyiaran] dan [Internet] (Carta 3-34). {Pelajar Q2-3③}



3-3-7. Isi Kandungan Bahan Yang Didengar / Dilihat (tonton)


Untuk soalan mengenai isi kandungan bahan yang didengar/lihat (tonton), jawapan yang dipilih adalah mengenai [Masyarakat/kehidupan] (37.9%), [Bahasa Jepun/Pendidikan Bahasa Jepun] (19.5%), diikuti

oleh [Budaya/seni] (14.1%). Semua institusi menunjukkan peratus tertinggi mengenai [Masyarakat.kehidupan]. Manakala, jawapan yang disenaraikan di [Lain-lain] boleh digolongkan sebagai [Budaya/ seni], seperti [Komik, animasi] [Muzik, lagu] [Drama] [Hiburan, rekreasi] [Game] dan lain-lain (Jadual 3-14, Carta 3-35). {Pelajar Q2-3④}

**〈Jadual 3-14 : Isi Kandungan Bahan Yang Didengar / Dilihat (tonton)〉
(%), Bil. Pelajar Yang Menjawab Soalan**

Kedudukan	Keseluruhan	Pen. SM	Pen. IPT	Lain-lain
1	Masyarakat / kehidupan (37.9%, 1,283)	Masyarakat / kehidupan (37.3%, 552)	Masyarakat / kehidupan (40.7%, 549)	Masyarakat / kehidupan (32.9%, 182)
2	Bahasa Jepun / Pendidikan Bahasa Jepun (19.5%, 658)	Bahasa Jepun / Pendidikan Bahasa Jepun (22.0%, 326)	Budaya / seni (15.6%, 210)	Bahasa Jepun / Pendidikan Bahasa Jepun (24.0%, 133)
3	Budaya / seni (14.1%, 477)	Budaya / seni (13.0%, 193)	Bahasa Jepun / Pendidikan Bahasa Jepun (14.8%, 199)	Lain-lain (15.3%, 85)


(Boleh jawab > 1)



3-3-8. Alasan Mendengar / Melihat (menonton)

Soalan mengenai alasan mendengar/menonton bahan yang menggunakan Bahasa Jepun adalah dalam bentuk penilaian 5 peringkat. Seperti yang dapat dilihat pada Carta 3-36 dan jadual 3-15, jawapan [Seronok] mendapat penilaian tertinggi disemua institusi. Seterusnya diikuti oleh, [Ingin menggunakan Bahasa Jepun] [Ingin mencuba kemampuan Bahasa Jepun] [Ingin mengekalkan kemampuan Bahasa

Jepun] [Ingin mendapatkan pelbagai informasi] [Boleh mengetahui Jepun dan orang Jepun] menunjukkan peratus yang tinggi. Manakala bagi yang memilih [Lain-lain], antara jawapan yang disenaraikan adalah [Hiburan/rekreasi, hobi]. Pelajar sekolah menengah dan IPT turut menyenaraikan [Ingin mengisi masa lapang] dan juga [Kerana berminat] sebagai jawapan untuk [Lain-lain]. {Pelajar Q2-3⑤}




< Jadual 3-15 : Alasan Mendengar / Melihat (menonton) >

	Keseluruhan	Pen. SM	Pen. IPT	Lain-lain
Seronok	4.36	4.44	4.35	4.17
Ingin menggunakan Bahasa Jepun	3.95	3.91	3.95	4.08
Ingin mencuba kemampuan Bahasa Jepun	3.89	3.90	3.82	4.02
Ingin mengekalkan kemampuan Bahasa Jepun	3.87	3.92	3.75	4.02
Ingin mendapatkan pelbagai informasi	3.76	3.87	3.63	3.78
Boleh mengenali Jepun dan orang Jepun	3.93	3.99	3.88	3.91
Untuk kerja	2.63	2.53	2.65	2.85
Untuk kajian	2.43	2.43	2.39	2.54

(Purata penilaian berskala <1-5>)

3-3-9. Alasan Tidak Mendengar / Melihat (menonton) Bahan Dalam Bahasa Jepun Di luar Kelas


Seperti dalam 3-3-2 (ms.41), bilangan pelajar yang tidak mendengar atau menonton bahan yang menggunakan Bahasa Jepun di luar kelas adalah 382 orang (10.1%). Secara keseluruhan alasan [Kemampuan Bahasa Jepun anda tidak mencukupi] menunjukkan peratus tertinggi iaitu, 73.0% (Carta 3-37). {Pelajar Q2-4}



3-4. Penggunaan Buku Teks dll Di luar Kelas

Berikut adalah laporan mengenai cara penggunaan buku teks dan lain-lain bahan yang digunakan di luar waktu belajar (kelas).

3-4-1. Pengalaman Penggunaan



Carta 3-38 dan jadual 3-16 menunjukkan 4,059 pelajar (75.7%) menjawab [Ya] dan 1,217 pelajar (22.7%) menjawab [Tidak] untuk soalan mengenai pengalaman menggunakan bahan belajar di luar kelas. Bilangan pelajar yang menjawab [Ya] di lain-lain institusi pengajian lebih rendah 66.9% berbanding dengan peratus di sekolah menengah dan IPT.

{Pelajar Q3}

< Jadual 3-16 : Pengalaman Penggunaan Buku Teks dll. > (%)

		Jumlah	Pen. SM	Pen. IPT	Lain-lain
Bil. pelajar yg. menjawab soalan	Ya	4,059 (75.7)	1,757 (77.2)	1,741 (77.6)	561 (66.9)
	Tidak	1,217 (22.7)	498 (21.9)	466 (20.8)	253 (30.2)
	Tiada jawapan	84 (1.6)	21 (0.9)	38 (1.7)	25 (3.0)


3-4-2. Cara Penggunaan Di luar Kelas

Jadual 3-17 menunjukkan cara penggunaan bahan di luar kelas oleh 4,059 pelajar. Secara keseluruhan jawapan tertumpu kepada [Menyemak makna perkataan] (77.4%), [Menghafal] (69.2%), [Menjawab soalan latihan] (50.3%). Manakala lebih kurang 20% pelajar di IPT dan lain-lain institusi memilih [Mendengar kaset yang disediakan bersama buku teks], dan hanya 4.3% pelajar di sekolah menengah (Carta 3-39). {Pelajar Q3-1}

(Jadual 3-17 : Penggunaan Buku Teks Di luar Kelas)
(%), Bil. Pelajar Yang Menjawab Soalan

Kedudukan	Keseluruhan	Pen. SM	Pen. IPT	Lain-lain
1	Menyemak makna perkataan (77.4%, 3,140)	Menyemak makna perkataan (83.2%, 1,462)	Menyemak makna perkataan (73.9%, 1,286)	Menyemak makna perkataan (69.9%, 392)
2	Menghafal (69.2%, 2,807)	Menghafal (76.3%, 1,340)	Menghafal (67.3%, 1,171)	Menghafal (52.8%, 296)
3	Menjawab soalan latihan (50.3%, 2,043)	Menjawab soalan latihan (51.2%, 899)	Menjawab soalan latihan (50.7%, 883)	Menjawab soalan latihan (46.5%, 261)


(Boleh jawab > 1)



3-4-3. Alasan Tidak Menggunakan Buku Teks dll. Di luar Kelas

Soalan ini diajukan kepada 1,217 orang pelajar yang memilih [Tidak] di 3-4-1. Kebanyakan pelajar memilih [Tidak belajar Bahasa Jepun di luar kelas Bahasa Jepun](36.2%), diikuti oleh [Tidak tahu cara menggunakannya](22.8%). Kecenderungan yang sama dapat dilihat pada semua institusi kecuali jawapan [Susah difahami] (21.9%) yang menunjukkan peratus yang agak tinggi di sekolah menengah (Carta 3-40).


[Tiada masa] [Tidak dibenarkan untuk dibawa keluar, tiada bahan] adalah antara jawapan yang disenaraikan di [Lain-lain]. Pelajar di lain-lain institusi pengajian turut menyenaraikan [Bahan milik sendiri lebih baik]. {Pelajar Q3-2}



3-5. Pengalaman Mengenai Peluang dan Tempat Penggunaan

Berikut adalah pengalaman pelajar tentang peluang dan tempat menggunakan Bahasa Jepun selain daripada pembelajaran di dalam kelas.

3-5-1. Pengalaman Menggunakan




Carta 3-41 dan jadual 3-18 adalah jawapan kepada soalan tentang peluang pelajar menggunakan bahan berkaitan Bahasa Jepun dan tempat bahan digunakan. 1,515 pelajar (28.3%) menjawab [Ya] dan 3,690 pelajar (68.8%) menjawab [Tidak]. Jadual 3-18 dan Carta 3-42 menunjukkan peratus tinggi jawapan [Ya] oleh pelajar di lain-lain institusi pengajian (41.6%).

{Pelajar Q4}


〈 **Jadual 3-18 : Kedapatan Pengalaman** 〉 (%)

		Jumlah	Pen. SM	Pen. IPT	Lain-lain
Bil. pelajar yg. menjawab soalan	Ada pengalaman	1,515 (28.3)	628 (27.6)	538 (24.0)	349 (41.6)
	Tiada pengalaman	3,690 (68.8)	1,597 (70.2)	1,641 (73.1)	452 (53.9)
	Tiada jawapan	155 (2.9)	51 (2.2)	66 (2.9)	38 (4.5)



3-5-2. Peluang dan Tempat Penggunaan

Carta 3-43 menunjukkan jawapan 1,515 pelajar yang mempunyai pengalaman menggunakan Bahasa Jepun. 1,357 pelajar (89.6%) memilih Malaysia, dan 165 pelajar (10.9%) memilih Jepun. {PelajarQ4-1}



Malaysia


Jadual 3-19 adalah pilihan jawapan 1,357 pelajar yang memilih Malaysia sebagai tempat menggunakan bahan berkaitan Bahasa Jepun. Jawapannya adalah [Program suai kenal dengan orang Jepun] (50.6%), [Program/acara yang menggunakan Bahasa Jepun], dan diikuti oleh [Pusat bahan bacaan mengenai Jepun/perpustakaan]. Keseluruhan institusi pendidikan menunjukkan peratus yang tinggi untuk [Program suai kenal dengan orang Jepun] (51.7%, 54.9%, 40.4%). Pelajar di IPT dan lain-lain institusi seterusnya memilih, [Pusat bahan bacaan mengenai Jepun/perpustakaan] (32.8%, 30.0%). Manakala, pelajar di sekolah menengah seterusnya memilih [Program, acara yang menggunakan Bahasa Jepun](49.1%) (Carta 3-44).

[Bercakap dalam Bahasa Jepun dengan ahli keluarga] [Bertemu dengan pelancong daripada Jepun] [Lawatan ke sekolah Jepun] adalah antara jawapan yang disenaraikan di [Lain-lain] di sekolah menengah. Di IPT, [Bercakap dengan guru Bahasa Jepun] [Bertemu dengan pelancong daripada Jepun] [Bekerja sambil di kawasan pelancongan] turut disenaraikan. Manakala pelajar di lain-lain institusi turut menyenaraikan [Pejabat/syarikat] [Bekerja dengan Jepun] [Bertugas di luar kawasan (Jepun)] [Bercakap dengan pelanggan daripada Jepun]. {Pelajar Q4-1}

< Jadual 3-19 : Peluang dan Tempat Penggunaan – Malaysia – >
(%), Bil. Pelajar Yang Menjawab Soalan

Kedudukan	Keseluruhan	Pen. SM	Pen. IPT	Lain-lain
1	Program suai kenal dengan Jepun (50.6%, 686)	Program suai kenal dengan Jepun (51.7%, 300)	Program suai kenal dengan Jepun (54.9%, 273)	Program suai kenal dengan Jepun (40.4%, 113)
2	Program / acara yang menggunakan Bahasa Jepun (36.8%, 499)	Program / acara yang menggunakan Bahasa Jepun (49.1%, 285)	Pusat bahan bacaan Jepun / perpustakaan (32.8%, 163)	Pusat bahan bacaan Jepun / perpustakaan (30.0%, 84)
3	Pusat bahan bacaan Jepun / perpustakaan (31.2%, 423)	Pusat bahan bacaan Jepun / perpustakaan (30.3%, 176)	Program / acara yang menggunakan Bahasa Jepun (31.2%, 155)	Lain-lain (22.1%, 62)

(Boleh jawab > 1)



Jepun


165 daripada 1,515 pelajar memilih Jepun sebagai tempat mereka berpeluang menggunakan Bahasa Jepun. Jadual 3-20 adalah pilihan jawapan. Secara keseluruhan ramai pelajar memilih [Lawatan / homestay di rumah keluarga Jepun] (60.0%), diikuti oleh [Program suai kenal dengan orang Jepun] (49.1%), dan [Kumpulan orang-orang Jepun, tempat perkumpulan orang Jepun] (23.6%).

{Pelajar Q4-1}

< Jadual 3-20 : Peluang dan Tempat Penggunaan—Jepun— >
(%), Bil. Pelajar Yang Menjawab Soalan

Kedudukan	Keseluruhan	Pen. SM	Pen. IPT	Lain-lain
1	Lawatan / homestay dirumah keluarga Jepun (60.0%, 99)	Lawatan / homestay dirumah keluarga Jepun (59.3%, 16)	Lawatan / homestay dirumah keluarga Jepun (67.5%, 27)	Lawatan / homestay dirumah keluarga Jepun (57.1%, 56)
2	Program suai kenal dengan orang Jepun (49.1%, 81)	Program suai kenal dengan orang Jepun / Menyertai kumpulan orang Jepun, tempat perkumpulan orang Jepun (40.7%, 11)	Program suai kenal dengan orang Jepun (50.0%, 20)	Program suai kenal dengan orang Jepun (51.0%, 50)
3	Menyertai kumpulan orang Jepun, tempat perkumpulan orang Jepun (23.6%, 39)		Program / acara yang menggunakan Bahasa Jepun (25.0%, 10)	Karaoke Bahasa Jepun (21.4%, 21)


(Boleh jawab > 1)




Carta 3-45 : Tempat dan Peluang Penggunaan <Jepun> (Boleh jawab > 1)

3-5-3. Kedapatan Pengalaman yang Ingin Diulangi / Diteruskan

88.2% daripada pelajar menjawab [Ya] untuk soalan adakah pengalaman yang ingin diulangi / teruskan pada masa hadapan (Carta 3-46, Jadual 3-21). Pelajar di lain-lain institusi pendidikan yang menjawab [Ya] adalah 88.2%. Bilangan ini dikira agak rendah berbanding dengan bilangan pelajar yang menjawab [Ya] di sekolah menengah dan IPT (91.4%, 88.8%) (Carta 3-47). {Pelajar Q4-2}



Carta 3-46 : Kedapatan Pengalaman Yang Ingin Diulangi / Diteruskan (Keseluruhan)



Carta 3-47 : Kedapatan Pengalaman Yang Ingin Diulangi / Diteruskan (Mengikut Institusi)

< Jadual 3-21 : Kedapatan Pengalaman Yang Ingin Diulangi / Diteruskan > (%)

		Keseluruhan	Pen. SM	Pen. IPT	Lain-lain
Bil. pelajar yg. menjawab soalan	Ya	1,336(88.2)	574(91.4)	478(88.8)	284(81.4)
	Tidak	81(5.3)	24(3.8)	29(5.4)	28(8.0)
	Tiada jawapan	98(6.5)	30(4.8)	31(5.8)	37(10.6)


3-5-4. Pengalaman Yang Paling Ingin Diulangi / Diteruskan

Carta 3-48 dan jadual 3-22 adalah senarai pengalaman yang paling ingin diulangi/teruskan. Secara keseluruhan [Program suai kenal dengan orang Jepun](32.1%) menunjukkan peratus tertinggi di semua institusi, diikuti oleh [Lawatan / homestay di rumah keluarga Jepun](13.7%) dan [Program / acara yang menggunakan Bahasa Jepun](11.2%). {Pelajar Q4-2}

(Jadual 3-22 : Pengalaman Yang Paling Ingin Diulangi / Diteruskan) (%), Bil. Pelajar Yang Menjawab Soalan

Kedudukan	Keseluruhan	Pen. SM	Pen. IPT	Lain-lain
1	Program suai kenal dengan orang Jepun (32.1%, 429)	Program suai kenal dengan orang Jepun (32.4%, 186)	Program suai kenal dengan orang Jepun (36.0%, 172)	Program suai kenal dengan orang Jepun (25.0%, 71)
2	Lawatan / homestay di rumah keluarga Jepun (13.7%, 183)	Program / acara yang menggunakan Bahasa Jepun (16.4%, 94)	Lawatan / homestay di rumah keluarga Jepun (10.7%, 51)	Lawatan / homestay di rumah keluarga Jepun (17.3%, 49)
3	Program / acara yang menggunakan Bahasa Jepun (11.2%, 149)	Lawatan / homestay di rumah keluarga Jepun (14.5%, 83)	Program / acara yang menggunakan Bahasa Jepun (9.4%, 45)	Lain-lain (13.4%, 38)

(Boleh jawab > 1)




Carta 3-48 : Pengalaman Yang Ingin Diulangi / Diteruskan (Mengikut Senarai)

3-6. Bahan Yang Sedang Digunakan Untuk Belajar Bahasa Jepun


Berikut adalah laporan mengenai bahan yang sedang digunakan oleh pelajar untuk Belajar Bahasa Jepun.

Semua institusi pendidikan menunjukkan peratus tertinggi untuk [Buku rujukan Bahasa Jepun, buku latihan] (86.8%), diikuti oleh [Filem Bahasa Jepun] (46.8%), dan [Lagu Bahasa Jepun] (44.1%). Carta 3-49 menunjukkan perbezaan pilihan pelajar di sekolah menengah untuk [Komik Bahasa Jepun] (35.9%) dan [Perisian game komputer Bahasa Jepun] (28.6%). Manakala, hampir semua institusi menyenaraikan [Radio] sebagai jawapan untuk [Lain-lain]. {Pelajar Q5}



3-6-1. Buku Rujukan / Latihan Yang Sedang Digunakan Untuk Belajar Bahasa Jepun

4,498 pelajar yang memilih [Buku rujukan/latihan] di 3-6, memilih [Perkataan] (61.0%), [Perbualan] (46.0%), dan [Kanji] (37.5%) sebagai jenis buku rujukan/latihan yang digunakan. Menakala pelajar di lain-lain institusi pengajian kebanyakan memilih jenis [Perbualan] (49.1%) berbanding [Perkataan] (45.1%) (Carta 3-50). {Pelajar Q5}



3-7. Bahan / Perkara Yang Perlu Diperbaiki Di masa Hadapan

Berikut adalah laporan daripada soalan mengenai bahan-bahan yang patut dan perlu diperbaiki di masa hadapan.

Secara keseluruhan, kebanyakan pelajar memilih [Kamus] (79.4%), [Buku rujukan/latihan] (62.8%), [Filem Bahasa Jepun] (53.3%), [Lawatan/homestay di rumah keluarga Jepun] (49.1%), [Peluang


menyambung pelajaran] (45.3%) adalah seperti dalam jadual 3-23. Hampir semua institusi pengajian menunjukkan kecenderungan yang sama seperti dapat dilihat dalam Carta 3-51 dan jadual 3-23, kecuali, bilangan pelajar sekolah menengah yang memilih [Perisian game komputer Bahasa Jepun](36.3%) dan [Program/acara yang menggunakan Bahasa Jepun](41.7%) agak tinggi berbanding IPT dan lain-lain institusi. Sebaliknya tidak ramai pelajar di sekolah menengah memilih [Kerja sambilan yang menggunakan Bahasa Jepun] (8.4%).

{Pelajar Q6}

< Jadual 3-23 : Bahan / Perkara Yang Perlu Diperbaiki Dimasa Hadapan >
(%) , Bil. Pelajar Yang Menjawab Soalan

Kedudukan	Keseluruhan	Pen. SM	Pen. IPT	Lain-lain
1	Kamus (79.4%, 4,181)	Kamus (83.4%, 1,886)	Kamus (76.8%, 1,682)	Kamus (75.5%, 613)
2	Buku rujukan / latihan (62.8%, 3,304)	Buku rujukan / latihan (68.9%, 1,557)	Buku rujukan / latihan (57.4%, 1,257)	Buku rujukan / latihan (60.3%, 490)
3	Filem Bahasa Jepun (53.3%, 2,804)	Filem Bahasa Jepun (53.7%, 1,214)	Filem Bahasa Jepun (55.4%, 1,213)	Lawatan / homestay di rumah keluarga Jepun (48.3%, 392)
4	Lawatan / homestay di rumah keluarga Jepun (49.1%, 2,583)	Lawatan / homestay di rumah keluarga Jepun (51.4%, 1,163)	Lawatan / homestay di rumah keluarga Jepun (46.9%, 1,028)	Filem Bahasa Jepun (46.4%, 377)
5	Peluang menyambung pelajaran (45.3%, 2,384)	Peluang menyambung pelajaran (49.1%, 1,110)	Peluang menyambung pelajaran (45.0%, 987)	Program TV Bahasa Jepun (43.2%, 351)


(Boleh jawab > 1)



3-7-1. Buku Rujukan / Latihan Yang Perlu Diperbaiki Di masa Hadapan

3,304 pelajar yang memilih [Buku rujukan / latihan] di 3-7, memilih [Perbualan] (55.5%) dan [Perkataan] (51.6%) sebagai jenis buku rujukan / latihan yang perlu diperbaiki. Kebanyakan pelajar di sekolah menengah memilih buku rujukan / latihan jenis [Perkataan] (59.3%), melebihi [Perbualan].


{Pelajar Q6}



3-7-2. Kamus Yang Perlu Diperbaiki

4,181 pelajar memilih [Kamus] di 3-7. 74.8% pelajar sekolah menengah memilih kamus [BJ - BM] dan 67.6% memilih kamus [BM - BJ]. Pelajar di IPT dan lain-lain institusi paling ramai memilih kamus [BJ - BI] (46.3%, 49.1%) seperti dalam carta 3-53. Kamus [BJ - BJ] [BJ - BM/BI] turut disenaraikan dalam jawapan [Lain-lain].

{Pelajar Q6}



BAB 4 Laporan Kajian : Guru Bahasa Jepun

Maklumat dan Ringkasan

Bab ini adalah laporan kajian mengenai “guru”. Ia terbahagi kepada 5 seksyen, dan ringkasan untuk setiap seksyen disertakan bagi mendapatkan gambaran secara menyeluruh. Sila rujuk 4-1 dan seterusnya untuk maklumat terperinci. Nombor rujukan pada setiap seksyen mewakili nombor soalan/seksyen yang digunakan di dalam borang soalselidik (rujuk bahagian akhir laporan). Contohnya, {Guru F1} merujuk kepada [F1] di dalam borang soalselidik kegunaan guru Bahasa Jepun.

Secara keseluruhan, laporan kajian mengikut 2 aspek berikut.

(1) Kerakyatan : Laporan mengikut perbandingan [Guru Malaysia] dan [Guru Jepun]

(2) Institusi pendidikan : Laporan mengikut institusi pendidikan [Sekolah menengah] [IPT] dan [Lain-lain institusi pendidikan] seperti yang telah dinyatakan di bahagian 1-9 (ms. 5).

Jumlah jawapan yang diterima daripada guru Bahasa Jepun mengikut institusi adalah seperti Jadual 4-1. Bilangan guru Jepun adalah sifar di sekolah menengah kerana penghantaran guru Jepun oleh JICA telah berakhir pada tahun 2000. Oleh itu, sila beri perhatian untuk analisa data pada jadual 4-1 ke atas.

〈 Jadual 4-1 : Bilangan Jawapan / Senarai 〉 (%)

	Jumlah	Pen. SM	Pen. IPT	Lain-lain
Bil. jawapan	240(100.0)	64(26.7)	73(30.4)	103(42.9)
〈 Senarai 〉				
Guru Malaysia	139(57.9)	64(100.0)	30(41.1)	45(43.7)
Guru Jepun	101(42.1)	0(0)	43(58.9)	58(56.3)

Ringkasan : 4-1. Guru

Jantina : Bilangan guru perempuan (65.0%) melebihi guru lelaki (35.0%).

Umur : Lapisan umur 30-an paling ramai di antara Guru Malaysia dan guru Jepun (63.3%, 40.6%)

Bahasa ibunda : Guru Malaysia yang memilih [Bahasa Malaysia] adalah 48.2%, dan [Bahasa Cina] sebanyak 41.7%

Tempoh belajar Bahasa Jepun (Guru Malaysia) : Keseluruhan institusi pendidikan menunjukkan kecenderungan yang sama dengan jawapan [> 4 tahun < 7 tahun] (54.0%).

Pengalaman melawat Jepun (Guru Malaysia) : Secara keseluruhan jawapan [Ya] menunjukkan peratus yang tinggi, iaitu 94.2%.

Tujuan lawatan (Guru Malaysia) : Kebanyakan memilih [Menyambung pelajaran (> 1 tahun)].

Pengalaman mengajar :

Guru Malaysia di semua institusi paling ramai memilih jawapan [Pertengahan (> 3 tahun < 20 tahun)] (70.3%, 83.3%, 60.0%). Manakala guru Jepun di IPT yang memilih [Pertengahan] adalah 72.1%. Manakala di lain-lain institusi pengajian menunjukkan bilangan yang hampir sama untuk [Permulaan (kurang dari 3 thn.)] 46.6%, dan [Pertengahan] 44.8%

Pengalaman mengajar subjek selain Bahasa Jepun :

90.6% daripada guru Malaysia berpengalaman subjek lain di sekolah menengah, 56.7% di IPT, dan jawapan [Tidak] di lain-lain institusi pendidikan lebih tinggi, iaitu 75.6%. Manakala kebanyakan guru Jepun tidak berpengalaman mengajar subjek lain (76.2%).

Kemahiran Bahasa Jepun (Guru Malaysia)

Membaca : Semua institusi menunjukkan peratus tertinggi [Boleh memahami surat khabar, majalah dan artikel yang diminati dengan bantuan kamus] (76.6%, 66.7%, 75.6%).

Menulis : Semua institusi menunjukkan peratus tertinggi [Boleh menulis surat kepada rakan dan kenalan rapat] (45.3%, 53.3%, 46.7%).

Mendengar : Semua institusi menunjukkan peratus tertinggi [Boleh memahami berita TV, kuliah yang diikuti] (67.2%, 53.3%, 51.1%)

Bertutur : Semua institusi menunjukkan peratus tertinggi [Boleh menyatakan pendapat dan fikiran sendiri] (64.1%, 60.0%, 66.7%).

Alasan mula mengajar Bahasa Jepun :

Secara keseluruhan ramai guru Malaysia memilih [Berminat dengan bahasa dan budaya Jepun]. Manakala guru Jepun memilih [Berminat dengan bahasa Jepun dan pertukaran budaya] dan [Ingin bekerja di luar negara].

Penyertaan dalam seminar yang berkaitan dengan pendidikan Bahasa Jepun :

67.6% guru Malaysia dan 57.4% guru Jepun menjawab [Ya].

Pengalaman mengikuti kursus pendidikan Bahasa Jepun :

55.4% guru Malaysia menjawab [Ya] dan 54.5% guru Jepun menjawab [Tidak].

Kekerapan mengikuti kursus : 77.9% guru Malaysia menjawab [1~2 kali], dan guru Jepun yang menjawab [1~2 kali] adalah 32.3%, dan [5 ~ kurang dari 10 kali] adalah 20.6%.

Nota : Peratus yang diatur di () adalah mengikut [Pen. SM] [Pen. IPT] [Lain-lain].

Ringkasan : 4-2. Pengendalian Kelas

Bahan yang digunakan :

[Buku teks dalam pasaran] [Bahan cetakan buatan sendiri] [Gambarajah] [Kad-kad imbasan] adalah antara bahan yang paling banyak digunakan. Guru Malaysia kebanyakan menggunakan [Buku teks dalam pasaran] [Buku kerja] [Kad-kad imbasan]. Guru Jepun pula kebanyakan menggunakan [Buku teks dalam pasaran] [Gambarajah] [Bahan cetakan buatan sendiri]. Manakala mengikut institusi pengajian pula, lebih ramai guru Malaysia di sekolah menengah menggunakan [Buku kerja] berbanding [Buku teks dalam pasaran]. Guru Malaysia di sekolah menengah juga kurang menggunakan [Kaset (dalam pasaran)] berbanding dengan guru di IPT dan lain-lain institusi pengajian. Guru di lain-lain institusi pengajian pula kurang menggunakan [Kad-kad imbasan] berbanding dengan guru di sekolah menengah dan IPT. Guru Jepun di IPT pula lebih banyak menggunakan [Bahan asli (original)] berbanding dengan guru Jepun di lain-lain institusi pengajian.

Bahan asas (raw material) :

Secara keseluruhan [Gambar foto] paling banyak digunakan, diikuti oleh [Kaset, CD] [Video, DVD, VCD] dan [Majalah]. [Program TV] dan [Komik] jarang digunakan. Guru Malaysia di sekolah menengah lebih ramai menggunakan [Video, DVD, VCD] dan [Majalah] berbanding dengan guru Malaysia di IPT dan lain-lain institusi pendidikan.

Alasan menggunakan bahan asas (raw material) :

Secara keseluruhan alasan yang paling banyak diberikan adalah, [Untuk menarik minat dan perhatian pelajar] [Untuk membolehkan pelajar mendekati budaya Jepun dengan lebih dekat] dan [Untuk membolehkan pelajar memahami negara Jepun dengan lebih tepat].

Bahan buatan sendiri :

Secara keseluruhan bahan yang digunakan adalah [Kertas cetakan untuk latihan] [Kad imbasan] dan [Alat bantuan mengajar untuk aktiviti bilik darjah (roll card, helaian tugas)].

Alat bantuan mengajar (audio visual / AV) :

79.6% daripada guru menggunakan alat bantuan mengajar. Guru Malaysia yang memilih [Video, VCD, DVD] adalah 76.9%, dan guru Jepun yang memilih [Perakam suara] adalah 96.6%.

Penggunaan Bahasa Jepun sewaktu mengajar(Guru Malaysia)

Peringkat awal :

